



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN MODUL AL-MUHASIBI BERTERASKAN  
TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP  
KEROHANIAN DAN KECERDASAN EMOSI  
PELAJAR IPG**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

**NAJATI BINTI JALIL**



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN MODUL AL-MUHASIBI BERTERASKAN TERAPI KOGNITIF  
TINGKAH LAKU TERHADAP KEROHANIAN DAN KECERDASAN  
EMOSI PELAJAR IPG**

**NAJATI BINTI JALIL**

**THESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **7 JANUARI 2025**

#### i. Perakuan Pelajar

Saya, **NAJATI BINTI JALIL (P20151000047) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **KESAN MODUL AL-MUHASIBI BERTERASKAN TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP KEROHANIAN DAN KECERDASAN EMOSI PELAJAR IPG** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF.MADYA DR FAUZIAH MD SAAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN MODUL AL-MUHASIBI BERTERASKAN TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP KEROHANIAN DAN KECERDASAN EMOSI PELAJAR IPG** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH.**

**17/3/2025**

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KESAN MODUL AL-MUHASIBI BERTERASKAN TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP KEROHANIAN DAN KECERDASAN EMOSI PELAJAR IPG**

No. Matrik /Matric's No.: **P20151000047**  
 Saya / I : **NAJATI BINTI JALIL**  
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( ✓ ) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/  
Signature)

Tarikh: 17/3/2025

(Tandatangan Penyelia / Signature of  
Prof. Madya Dr. Fauziah Mohd. Saad  
& (Nama & Jabatan Rasmi / Name & Official  
Position of Supervisor / Supervisor's Name & Official  
Position)  
Fakulti Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.  
 Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Setinggi Kesyukuran dipanjatkan kepada Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang di atas segala rahmat, kurniaan serta pengnugrahan idea, ketabahan, ketenangan, kekuatan dan kesihatan sehingga berjaya menghasilkan sebuah penulisan disertasi dan modul. Selawat dan Salam ke atas junjungan Rasulullah s.a.w pembawa risalah agung dan rahmat sekalian alam. Setinggi penghargaan yang tidak terhingga buat Profesor Madya Dr. Fauziah Md Saad selaku penyelia di atas curahan ilmu, bimbingan, motivasi, pengorbanan masa, perkongsian, dorongan serta doa yang diberikan selama ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya. Jutaan terima kasih kepada warga dan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussien Onn Batu Pahat Johor yang memberi sokongan yang amat baik lagi banyak membantu dan memberi kerjasama sepanjang pengajian. Penghargaan dan terima kasih di atas doa, pengorbanan, sokongan, dan bantuan dari suami tersayang; Salahuddin Md Nor, bonda tersayang Hajah Faridah binti Haron, ayahanda tersayang Haji Jalil bin Kenang, anak-anak yang dikasihi sangat memahami sebagai sumber inspirasi utama Muhammad Daniel Azfar bin Mohd Hanif dan Dinie Hanani binti Mohd Hanif. Tidak ketinggalan juga rakan-rakan lain yang sering membantu, mendoakan dan memberi sokongan di IPGMKTHO, IPGMKPM dan IPGMKPI. Tidak dilupakan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan galakan secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah s.w.t akan membalas segala kebaikan kalian dengan sebaik-baik ganjaran.





## ABSTRAK

Kajian eksperimen ini bertujuan mengukur Kesan Intervensi Kelompok Bimbingan Modul Al Muhasibi (MAM) terhadap Konsep Kerohanian (KE) dan Kecerdasan Emosi (KE) pelajar di Insitut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Kajian ini melibatkan 80 orang pelajar IPG yang dibahagikan kepada 2 kelompok iaitu kelompok rawatan ( $n = 40$ ) dan kelompok kawalan ( $n=40$ ). Inventori Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah (IPPIP-M) dan Inventori Kecerdasan Emosi (IKE) telah digunakan. Subjek kelompok kajian diberi rawatan bimbingan selama sembilan minggu. Data dianalisis menggunakan kaedah T-Test dan Anova pada nilai aras signifikan 0.05. Kajian mendapati bahawa kelompok bimbingan MAM berkesan bagi meningkatkan konsep kerohanian dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam aspek Konsep Kerohanian dan Kecerdasan Emosi. Bagi pemboleh ubah terikat konsep kerohanian iaitu Aqidah (skor ujian pra ( $M=4.3223$ ,  $SP=.30373$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=4.6733$ ,  $SP=.15681$ );  $t(40) = -9.521$ ,  $p<.05$ ), Ibadah ( skor ujian pra ( $M=3.5114$ ,  $SP=.26626$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=3.5386$ ,  $SP=.27254$ ;  $t(34) = -3.092$ ,  $p<.05$ ) dan Akhlak (skor ujian pra ( $M=4.3017$ ,  $SP=.28031$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=4.4467$ ,  $SP=.13847$ );  $t(40) = -3.061$ ,  $p<.05$ ), manakala konsep kecerdasan emosi elemen pengurusan diri (skor ujian pra ( $M=3.4200$ ,  $SP=.34347$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=3.4814$ ,  $SP=.29879$ ;  $t(34) = -5.868$ ,  $p<.05$ ), kecekapan soaial (skor ujian pra ( $M=3.6414$ ,  $SP=.29963$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=3.6514$ ,  $SP=.29192$ );  $t(34) = -1.871$ ,  $p>.05$ ), kemahiran sosial (skor ujian pra ( $M=3.5314$ ,  $SP=.33827$ ) berbanding dengan skor pos ujian ( $M=3.5900$ ,  $SP=.32263$ ;  $t(34) = -.5775$ ,  $p<.05$ ). Terdapatnya perbezaan pada nilai ( $p < 0.05$ ) ini, maka jelas menunjukkan bahawa objektif kajian ini adalah tercapai. Kajian ini secara dasarnya merupakan satu kejayaan dalam meningkatkan konsep kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar menggunakan satu pendekatan modul yang dapat digunakan sebagai titik perkembangan positif dalam diri seseorang pelajar dan Islam khususnya agar penghayatan Islam dalam diri pelajar dapat diterapkan dengan lebih dinamik dan proaktif ke atas diri pelajar itu sendiri.

**Kata Kunci:** Bimbingan dan Kaunseling, Modul bimbingan, Pembinaan Modul, Kerohanian, Kecerdasan Emosi





## EFFECT OF AL-MUHASIBI MODULE BASED ON COGNITIVE THERAPY BEHAVIOR TOWARDS EMOTIONAL SPIRITUALITY AND INTELLIGENCE OF IPG STUDENTS

### ABSTRACT

This experimental study aims to measure the Effect of Al Muhasibi Module Guidance Group Intervention (MAM) on the Spiritual Concept (KE) and Emotional Intelligence (KE) of students at the Tun Hussein Onn Campus Teacher Education Institute, Batu Pahat, Johor. This study involved 80 IPG students who were divided into 2 groups, namely the treatment group (n = 40) and the control group (n=40). Secondary School Students Islamic Education Appreciation Inventory (IPPIP-M) and Emotional Intelligence Inventory (IKE) were used. Subjects of the study group were given guidance treatment for nine weeks. Data were analyzed using the T-Test and Anova methods at a significance level of 0.05. The study found that MAM guidance groups are effective in improving the concept of spirituality and emotional intelligence among students. The results show that there is a significant difference between the control group and the treatment group in the aspects of Spiritual Concept and Emotional Intelligence. For the variable tied to the concept of spirituality, which is Aqidah (pre-test score (M=4.3223, SP=.30373) compared to post-test score (M=4.6733, SP=.15681);  $t(40) = -9.521, p < .05$ ), Ibadah (pre-test score (M=3.5114, SP=.26626) compared to the post-test score (M=3.5386, SP=.27254;  $t(34) = -3.092, p < .05$ ) and Moral (test score pre (M=4.3017, SP=.28031) compared to the post test score (M=4.4467, SP=.13847);  $t(40) = -3.061, p < .05$ ), while the concept of emotional intelligence elements of self-management (score pre test (M=3.4200, SP=.34347) compared to the post test score (M=3.4814, SP=.29879;  $t(34) = -5.868, p < .05$ ), social competence (pre test score (M= 3.6414, SP=.29963) compared to the post test score (M=3.6514, SP=.29192);  $t(34) = -1.871, p > .05$ ), social skills (pre test score (M=3.5314, SP=. 33827) compared to the post test score (M=3.5900, SP=.32263;  $t(34) = -.5775, p < .05$ ). There is a difference in this value ( $p < 0.05$ ), then it clearly shows that the objective of this study This study is basically a success in improving the concept of spirituality and emotional intelligence of students using a module approach that can be used as a positive development point in a student and Islam in particular so that the appreciation of Islam in students can be applied more dynamically and proactively to on the student himself.

**Keywords:** Guidance and Counseling, Guidance Module, Module Construction, Spirituali



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN PENULISAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	27
1.4.1 Objektif Kajian	28
1.5 Persoalan Kajian	29
1.6 Hipotesis Kajian	30
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	31
1.8 Kepentingan Kajian	35

1.8.1	Kepentingan Kepada Institut Pendidikan Guru	35
1.8.2	Kepentingan Kepada Unit Bimbingan Dan Kaunseling Institut Pendidikan Guru di Malaysia	36
1.8.3	Kepentingan Kepada Masyarakat	37
1.9	Batasan Kajian	37
1.10	Definisi Konsep dan definisi Operasional	39
1.10.1	Modul Pembangunan	39
1.10.2	Kelompok Bimbingan	42
1.10.3	Kesalahan Disiplin	44
1.10.4	Terapi Tingkahlaku Kognitif	45
1.10.5	Kerohanian	49
1.10.6	Kecerdasan Emosi (EQ)	54
1.11	Aturan Bab	57

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	60
2.2	Kerangka Teori	61
2.3	Pendekatan Teoritik Kerohanian Al-Muhasibi	61
2.3.1	Muhasabah al-nafs (Pendekatan Pertama)	62
2.3.2	Riyadhah dan Mujahadah an-nafs (Pendekatan Kedua )	66
2.3.3	Langkah-langkah dalam memerangi jiwa	67
2.3.4	Proses Pembangunan Insani Perspektif al-Muhasibi	69
2.3.5	Proses Kesempurnaan Pembangunan Insan Melalui Al-Ahwal Wa Al-Maqamat	78
2.3.6	Latar Belakang al-Muhasibi	94

2.3.7	Kemasyarakatan Zaman Al-Muhasibi	95
2.3.8	Perwatakan Al-Muhasibi	98
2.3.9	Kerangka Teori Al-Muhasibi	99
2.4	Kerangka Teori	101
2.4.1	Teori Kecerdasan Emosi	101
2.4.2	Pendekatan Teori Tingkah laku Kognitif (TKT)	111
2.4.3	Teori Tingkah laku Kognitif (TKT)	114
2.4.4	Pendekatan NEO-CBT : Cognitive Behavioral Therapy	116
2.4.5	Pendekatan REBT	117
	2.4.5.1 Pandangan Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) terhadap Manusia	122
	2.4.5.2 REBT, Agama dan Islam	124
2.4.6	Pendekatan Kaunseling Islam	127
2.5	Pendekatan Konseptual kelompok peningkatan konsep kerohanian	131
2.5.1	Sejarah perkembangan kelompok	131
2.5.2	Kelompok Bimbingan dan Perkhidmatan BK	132
2.5.3	Tahap – Tahap Kaunseling Rogers	139
2.5.4	Peranan Pemimpin	144
2.5.5	Perkembangan Elemen Agama dan kerohanian dalam kaunseling	147
2.5.6	Kerangka Konseptual Modul Al-Muhasibi	151
2.6	Model	155
2.6.1	Model Kerohanian	155
2.6.2	Model Kecerdasan Emosi	158

2.6.3	Hubungan antara kerohanian dan kecerdasan Emosi	160
2.6.4	Model Pembangunan Modul al-Muhasibi	166
2.7	Pembangunan Modul	166
2.7.1	Konsep Modul	166
2.7.2	Ciri-ciri dan prinsip Modul	168
2.7.3	Prinsip-prinsip Modul	172
2.7.4	Jenis-jenis Modul	173
2.7.4.1	Modul Pengajaran	174
2.7.4.2	Modul Motivasi	175
2.7.4.3	Modul Latihan	175
2.7.4.4	Modul Akademik	176
2.7.5	Pembangunan Modul	177
2.7.6	Model Pembangunan Modul Sidek	179
2.7.6.1	Peringkat Penyediaan Draf Modul dan Pelaksanaan	179
2.7.6.2	Peringkat Kedua Mencuba dan Menilai Modul	183
2.7.6.3	Pembinaan Modul Pembangunan Insan Al-Muhasibi (MPIM)	183
2.7.6.4	Asas Teori Pembinaan Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi (MPIM)	185
2.8	Kajian-kajian lepas	189
2.8.1	Kajian Lepas Mengenai Kerohanian (KR)	189
2.8.2	Kajian Teori Kognitif Tingkah Laku (TKT)	196
2.8.3	Kajian Lepas berkaitan Kesan Modul dan TKT	200
2.8.4	Kajian Lepas berkaitan Kecerdasan Emosi	205

2.10	Rumusan	209
------	---------	-----

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	211
-----	------------	-----

3.2	Reka Bentuk Kajian	216
-----	--------------------	-----

3.3	Populasi dan sample kajian	221
-----	----------------------------	-----

3.3.1	Pemilihan Respondan Pelajar dan Panel Pakar	221
-------	---	-----

3.4	Alat Kajian	227
-----	-------------	-----

3.4.1	Skala Kecerdasan Emosi	228
-------	------------------------	-----

3.4.2	Skala Kerohanian	229
-------	------------------	-----

3.5	Lokasi Kajian	234
-----	---------------	-----

3.6	Kajian Rintis	235
-----	---------------	-----

3.6.1	Kajian Rintis Modul al-Muhasibi	235
-------	---------------------------------	-----

3.6.2	Menentukan Kesahan Modul	235
-------	--------------------------	-----

3.6.3	Menentukan Kebolehpercayaan Modul	244
-------	-----------------------------------	-----

3.7	Kajian Rintis Soal Slidik IKEASOFI dan SPPIP-M	248
-----	--	-----

3.7.1	Kajian Rintis Alat Kajian	249
-------	---------------------------	-----

3.7.2	Kesahan soal selidik Kecerdasan Emosi dan SPPIP-M	249
-------	---	-----

3.7.3	Kebolehpercayaan soal selidik Kecerdasan Emosi dan SPPIP-M	252
-------	--	-----

3.7.4	Kebolehpercayaan Modul	252
-------	------------------------	-----

3.8	Prosedur Menjalankan Intervensi	254
-----	---------------------------------	-----

3.8.1	Kebenaran Menjalankan Kajian	254
-------	------------------------------	-----

3.8.2	Kumpulan Rawatan	255
-------	------------------	-----

3.8.3	Kumpulan Kawalan	255
-------	------------------	-----

3.8.4	Langkah-langkah Mengawal Pembolehubah Luaran	256
3.8.5	Pemilihan dan Latihan Fasilitator	257
3.8.6	Perjalanan Kelompok Intervensi	257
3.9	Rumusan	259

## **BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	261
4.2	Kebolehpercayaan Data	262
4.3	Kenormalan Data	263
4.4	Ujian Deskriptif	265
4.4.1	Demografi Profil Responden (Kerohanian)	265
4.4.2	Demografi Profil Responden (Kecerdasan Emosi)	268

4.5	Objektif 1	269
4.5.1	Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pemboleh ubah bersandar konsep kerohanian (KR) terhadap kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).	269
4.5.2	Kecerdasan Emosi Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pemboleh ubah bersandar konsep kecerdasan emosi (EQ) terhadap kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).	270
4.6	Objektif 2	271
4.6.1	Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala konsep kerohanian (KR) – pelajar IPG iaitu akidah (AQ) terhadap kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).	271

- 4.6.2 Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala konsep kerohanian (KR) – pelajar IPG iaitu Ibadah (IB) terhadap kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan (KK). 272
- 4.6.3 Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala konsep kerohanian (KR) – pelajar IPG iaitu Akhlak (AKH) terhadap kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan (KK). 273
- 4.7 Objektif 3 274
- 4.7.1 Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu mengenal emosi (ME), kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan. 274
- 4.7.2 Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu Pengurusan Diri (PI), kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan. 275
- 4.7.3 Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu Kecekapan Sosial (KS), kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan. 276
- 4.7.4 Kemahiran Sosial (KMS) Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu Kemahiran Sosial (KMS), kelompok eksperimen (KE) berbanding kelompok kawalan 277

4.8	Data Ujian Pra Eksperimen	278
4.8.1	Perbezaan Pemboleh Ubah Utama Kajian Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Dalam Ujian Pra	280
4.9	Pengujian Objektif Kajian	284
4.9.1	Objektif Kajian 1	284
4.9.2	Objektif Kajian 2	287
4.9.3	Objektif Kajian 3	290
4.10	Kesimpulan Hasil Dapatan Kajian	293
4.11	Rumusan	294

## **BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	296
5.2	Ringkasan kajian	297
5.3	Kesan Intervensi Kelompok Ke Atas Pemboleh Ubah Utama Kajian	299
5.3.1	Kesan Intervensi Kelompok Ke Atas Kerohanian (KR)	299
5.3.2	Kesan Intervensi Kelompok Ke Atas Kecerdasan Emosi (KE)	303
5.3.3	Kesan Kerohanian Kepada Kecerdasan Emosi	306
5.4	Implikasi	310
5.4.1	Implikasi Modul Terhadap Teori	310
5.4.2	Implikasi modul TKT-MPIM dalam meningkatkan konsep kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar terhadap amalan kerohanian dan kecerdasan emosi.	312
5.4.3	Implikasi modul TKT-MPIM dalam meningkatkan konsep kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar terhadap Praktikal	317

5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	321
5.6	Rumusan	325
	<b>RUJUKAN</b>	327
	<b>LAMPIRAN</b>	344

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Model Reka Bentuk Rawatan (Campbell & Stanley, 1963: Wiersma, 1991; Salkind, 2000)	221
3.2	Profil Panel Pakar Temu Bual	224
3.3	Profil Panel Kesahan kontrak dan kandungan Pakar Modul	225
3.4	Sub Skala soalselidik Kecerdasan emosi (SKE)	229
3.5	Langkah-langkah pembangunan instrumen	230
3.6	Sub Konstruk Soal Selidik Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah (SPPIP-M)	233
3.7	Profil Panel Kesahan Pakar	240
3.8	Nilai Kesahan sesi dan aktiviti Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi Berdasarkan penilaian panel pakar (n=7)	241
3.9	Nilai kesahan kandungan berdasarkan penilaian pakar (n=7)	243
3.10	Maklum balas penambahbaikan daripada pakar (n=6)	244
3.11	Nilai Kebolehpercayaan Sesi Dan Aktiviti Modul Pembangunan Insan Al- Muhasibi (MPIM)	247
3.12	Sub Skala soalselidik Kecerdasan emosi (SKE)	250
3.13	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Kebijaksanaan Emosi	251
3.14	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik SPPIP-M	252
4.1	Kebolehpercayaan Data Sebenar Bagi Keseluruhan Pembolehubah	262
4.2	Ujian Normaliti	264
4.3	Profil Responden (Kerohanian)	265

4.4	Profil Responden (Kecerdasan Emosi)	268
4.5	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi kerohanian terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	269
4.6	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi kecerdasan emosi terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	270
4.7	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen aqidah (AQ) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	271
4.8	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen ibadah (IB) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	272
4.9	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen akhlak (AKH) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	273
4.10	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen mengenal emosi (ME) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	274
4.11	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen pengurusan diri (PI) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	275
4.12	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen kecekapan sosial (KS) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	276
4.13	Ujian T Perbezaan pra ujian dan pos ujian bagi elemen kemahiran sosial (KMS) terhadap kelompok eksperimen berbanding dengan kelompok kawalan.	277
4.14	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA Mengukur Perbezaan Skor Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Utama antara kelompok rawatan dan Kelompok kawalan Berpandukan Data Ujian Pra Subjek Keseluruhan.	278
4.15	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA mengukur perbezaan pemboleh ubah utama iaitu KE dan KR antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan data ujian pra subjek keseluruhan.	280

4.16	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA Mengukur Perbezaan Subskala Kebijaksanaan Emosi (KE) Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Data Ujian Pra Subjek Keseluruhan	281
4.17	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA Mengukur Perbezaan Subskala Konsep Kerohanian (KR) Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Data Ujian Pra Subjek Keseluruhan	283
4.18	Ringkasan Analisis ANOVA Min Ujian Pra dan Ujian Pos Pemboleh Ubah Utama Berdasarkan Kelompok dalam Kalangan Subjek Kajian.	285
4.19	Ringkasan Analisis ANOVA mengukur perbezaan pemboleh ubah utama iaitu KE dan KR antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan data pra ujian dan pos ujian subjek keseluruhan.	286
4.20	Ringkasan Analisis ANOVA Perbezaan Min Ujian Pra dan Ujian Pos Subskala Pemboleh Ubah Utama Konsep Kerohanian (KR) Berdasarkan Kelompok dalam Kalangan Subjek Kajian.	287
4.21	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA Mengukur Perbezaan Subskala Konsep Kerohanian (KR) Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Data Pra Ujian dan Pos Ujian Subjek Keseluruhan	288
4.22	Ringkasan Analisis ANOVA Min Ujian Pra dan Ujian Pos Subskala Pemboleh Ubah Utama Kebijaksanaan Emosi (KE) Berdasarkan Kelompok dalam Kalangan Subjek Kajian.	290
4.23	Ringkasan Analisis Statistik ANOVA Mengukur Perbezaan Subskala Kebijaksanaan Emosi (KE) Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Berdasarkan Data Pra Ujian dan Pos Ujian Subjek Keseluruhan	292
4.24	Kesimpulan Hasil Dapatan Kajian	293

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual	33
2.1	Kerangka Teori Al-Muhasibi	101
2.2	Hieraki Keutamaan Orientasi Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (Md. Nor, 2012)	131
2.3	Kerangka Konseptual Modul al-Muhasibi Gabungan Terapi Kogniti Tingkah laku	154
2.4	Model pembangunan Modul Sidek	178
2.5	Model Pembangunan Insan menurut al-Muhasibi	187



## SENARAI SINGKATAN

AKH	akhlak
APA	<i>American Psychological Association</i>
AQ	Akidah
ANOVA	Analisis Of Variance
BK	Bimbingan dan kaunseling
CBT	<i>Cognitif Behavioral Therapy</i> (Terapi Tingkah laku Kognitif)
TKT	Terapi Tingkah laku Kognitif
EQ	Emotional Quation (Kecerdasan Emosi)
IB	Ibadah
KE	Kelompok Rawatan
KE	Kelompok Rawatan
KK	Kelompok Kawalan
KK	Kelompok Kawalan
KMS	Kemahiran Sosial
KR	Konsep Kerohanian
KS	Kecekapan Sosial
ME	Mengurus Emosi
PI	Pengurusan Diri
TTK	Terapi Tingkahlaku kognitif
SPSS	Statistical Package for Social Sciences





## SENARAI LAMPIRAN

- A Model Modul Pembangunan Insan Al-Muhasibi
- B Soalselidik Kesahan Kandungan Modul Bimbingan Kelompok
- C Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Kelompok Pembangunan Insan Al-Muhasibi
- D Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Pembangunan Insan Al-Muhasibi
- E Pakar Kesahan Kandungan
- F Panel Pakar Kajian
- G Data Kajian



## BAB 1

### PENDAHULUAN

Institusi atau badan Kaunseling di Malaysia semakin berkembang dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling diperkenalkan di sekolah pada tahun 1962. Pada tahun 1964 pula pekeliling pendidikan dikeluarkan supaya setiap sekolah melantik seorang guru bimbingan yang memberi fokus kepada perkhidmatan panduan pelajaran, kerjaya dan peribadi.

Sebagai ejen atau pendukung dalam memartabatkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, “Peneraju Pemeraksanaan Kesejahteraan Insan” merupakan Visi Bahagian Psikologi dan kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia, adapun Misi Bahagian Psikologi dan kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia adalah “Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling untuk



memperkembangkan potensi Individu bagi memenuhi Aspirasi Negara”. Sebagai peneraju pelan induk perkhidmatan kaunseling dan psikologi berdasarkan dasar sedia ada dan baharu di KPM, disamping berperanan sebagai ketua operasi penyampaian perkhidmatan kaunseling dan psikologi dalam aspek pembangunan, pencegahan, dan pemulihan pelbagai usaha dan strategi berdasarkan teori-teori kaunseling telah diaplikasikan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling Malaysia dengan teknik tertentu mengikut teori-teori kaunseling dalam menyelesaikan kes kaunseling.

Justeru, keperluan kepada pembangunan Modul kerohanian dalam intervensi kaunseling kelompok khasnya bukanlah satu yang asing lagi malah modul kerohanian seringkali digunakan kepada responden muslim, justeru matlamat utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu modul kerohanian al-Muhasibi berdasarkan terapi tingkahlaku kognitif ke atas kerohanian dan kecerdasan emosi (EQ) di kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru. Justeru perbincangan dalam bab 1 ini adalah tertumpu sekitar aspek latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi konsep kajian.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi melahirkan guru yang berkualiti tinggi dan profesional adalah bermula daripada pusat latihan guru di mana di Malaysia dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru, justeru pelajar di Institut Pendidikan Guru seharusnya memiliki ciri-ciri guru yang profesional setelah mendapat latihan di IPG selama lima tahun. Profesion guru adalah profesion mulia Menurut Kamus Dewan (2005), Profesion bermaksud satu bidang





pekerjaan khasnya memerlukan pendidikan, kecekapan dan kemahiran yang tinggi. Adapun profesional merujuk kepada atribut yang terdapat dalam kalangan ahli sesuatu profesion. Bagi profesion perguruan ia dianggap satu profesion yang memberi perkhidmatan kepada individu dan negara, rentetan itu semestinya ciri-ciri yang perlu ada pada guru itu salah satunya adalah mempunyai sikap dan akhlak yang baik untuk dicontohi oleh muridnya.

Pada 13 Julai 2005, jemaah menteri telah meluluskan 27 buah Maktab Perguruan di Malaysia dinaik taraf kepada Institut Pendidikan Guru (IPG). Daripada Institut yang hanya mengeluarkan graduan bertaraf diploma dan sijil, kini institusi ini telah mendapat mandat yang melayakkannya menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Implikasi naik taraf ini menjadikan IPG sebuah institusi pendidikan tinggi yang bertaraf universiti. Selaras dengan perubahan taraf tersebut, Institut Pendidikan Guru (IPG) telah melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Graduan sulung IPG telahpun menamatkan pengajian mereka dan menerima Ijazah Sarjana Muda Perguruan pada tahun 2011” (IPG, 2014).

“Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan Program Pendidikan Keguruan Pra perkhidmatan dan dalam Perkhidmatan seperti yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. Selain itu IPGM juga bertanggungjawab merancang dan memantau Perkhidmatan Pendidikan Keguruan (PPK) yang dilaksanakan oleh IPG” (IPG, 2014).

Institusi pendidikan guru menawarkan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Program Ijazah sarjana Muda Pendidikan (PISMP).





Kajian ini memilih PPISMP sebagai responden kajian. Merujuk buku panduan Institut Pendidikan Guru 2014 Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Program persediaan ijazah sarjana Muda Perguruan (PPISMP) adalah program persediaan yang ditawarkan kepada calon-calon lepasan SPM yang berminat mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institusi Pendidikan Guru (IPG). Program ini merupakan prasyarat kepada program untuk mengikuti program PISMP. Program ini telah mula dilaksanakan di IPG Kampus dalam masa tiga semester dengan 75 kredit. Struktur Kurikulum PPISMP dua semester dengan 50 kredit telah diluluskan oleh senat IPG Bil.18 dan berkuat kuasa mulai Jun 2013. Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke PISMP yang dianjurkan oleh Institusi Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini akan menyediakan pelajar yang berkaitan dengan bidang pengkhususan yang bakal diikuti pelajar di peringkat PISMP (IPG, 2014).

Bagi mendokong dan merealisasikan matlamat program ini dalam melahirkan guru yang berkualiti selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di mana iaitu Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Dalam mendokong falsafah ini bakal guru perlu didedahkan





dengan kepentingan elemen amalan kerohanian, kecerdasan emosi dan jasmani sebagai seorang guru.

Secara amnya pelajar PPISMP ini terdiri daripada remaja yang berumur 18 tahun ke atas. Justeru dalam peringkat remaja ini mereka perlukan bimbingan dan panduan sepanjang tempoh mereka menerima latihan di Institut Pendidikan Guru. Oleh kerana pelajar IPG ini tergolong dalam kalangan remaja yang mana “Remaja didefinisikan sebagai satu peringkat umur selepas zaman kanak-kanak. Remaja bermaksud sudah mulai dewasa, akil baligh dan cukup umur untuk berkahwin” (Kamus Dewan, 2002). “Remaja perempuan pula merupakan anak gadis yang mulai dewasa yang mempunyai perasaan cinta berahi. Remaja juga dikatakan sebagai satu peringkat hidup antara baligh atau ‘puberty’ dengan dewasa” (Garrison, 1975). Menurut Santrock (2002), “peringkat remaja bermula dari 10 hingga 22 tahun”. Pada peringkat inilah golongan remaja mengalami kekeliruan dalam mencari identiti sebenar.

Memandangkan pelajar IPG ini merupakan bakal guru muslim yang akan mendidik anak-anak permata negara di peringkat rendah maka bakal pendidik siswa ini seharusnya mempunyai ciri remaja muslim bagi mengekalkan momentum keperibadian guru muslim dalam konteks rohani khususnya. Menurut Anuar Puteh dalam kajian Malaysia jilid XIX, No.2001 “perkataan remaja yang padanan bahasa inggerisnya disebut adolescence kerap dirujuk kepada tempoh transisi diantara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa dalam kehidupan seseorang, tempoh itu biasanya boleh dibahagikan kepada apa yang diistilahkan sebagai remaja awal. Umur bagi merujuk tempoh ini ialah di antara 16 atau 18 tahun, bagi tempoh masa yang diistilahkan sebagai remaja akhir pula biasanya merujuk kepada jarak masa umur antara lingkungan 16





hingga 25 tahun dan golongan ini juga lazimnya diistilahkan sebagai belia atau dalam bahasa inggerisnya disebut sebagai youth”.

Namun diperingkat antarabangsa, pihak United Nation Of Education and Cultural Organisation (UNESCO) pertubuhan bangsa-bangsa bersatu (PBB) mendefinisikan “remaja (secara khususnya merujuk kepada belia) berdasarkan rancangan-rancangan yang dihadapkan kepada para peserta yang berumur sekitar 15 hingga 30 tahun. Melalui kacamata Islam, “istilah remaja secara khusus tidak ada dinyatakan. Namun golongan remaja tersebut dikategorikan dalam kategori pemuda yang dinyatakan dengan maksud bahasanya syabab atau fataa. Adapun pada istilah pula, remaja atau pemuda bererti satu tahap umur manusia yang mana mulanyadari akil baligh sehinggalah mencapai akhir usia 30 an” (Fuad Irfah al-Bustani, 1982: 352).



Rasulullah juga telah menyapa kelompok remaja dengan menggunakan perkataan pemuda (*syabab*) dalam sebuah hadis yang bermaksud: “Rebutlah lima perkara sebelum datang lima perkara yang lain; hidup kamu sebelum mati, sihat kamu sebelum sakit, kelapangan sebelum sibuk, muda sebelum tua dan kaya sebelum kamu papa”. Imam Ghazali mendefinisikan remaja pula sebagai “golongan yang mencapai peringkat baligh iaitu ketika manusia telah dianggap mempunyai akal yang sempurna dan perkembangan akalnya telah matang sehingga mampu untuk menguasai sesuatu dengan sendiri”.

Berdasarkan takrifan di atas jelas menunjukkan terdapat sedikit perbezaan dalam memberi takrifan remaja di mana Islam membuat ukuran dengan kalimah akil baligh dalam memberi makna remaja dan ukuran itu menjadi asas penentuan untuk





menilai seseorang itu samada telah mencapai tahap remaja atau sebaliknya. Akil baligh ini merupakan satu titik atau alat yang membezakan di antara alam kanak-kanak dan alam remaja.. Manakala barat dengan menetapkan umur sebagai ukuran remaja. Justeru di sini terdapat juga persamaan pada faktor umur tersebut.

Memandangkan peringkat umur pelajar- pelajar IPG ini dalam lingkungan 18 hingga 23 tahun, Justeru kajian ini, bertujuan membuat perubahan fikiran dan imej mental untuk membantu masalah tingkah laku dan emosi pelajar IPG berdasarkan terapi tingkah laku kognitif yang mana terapi ini akan menangani masalah asas pelajar IPG dengan memecahkannya kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil dan lebih mudah dikendalikan dan menunjukkan kepada pelajar bagaimana terapi tingkah laku kognitif ini boleh mengubah pola pemikiran terhadap kepentingan amalan kerohanian dalam kehidupan seharian mereka sebagai siswa guru dan seterusnya akan menghasilkan tingkah laku baharu dalam kehidupan seharian mereka dengan memastikan tahap kecerdasan emosi mereka pada tahap yang tinggi. Justeru seperti yang kita sedia maklum peringkat remaja ini mereka mengalami kecelaruan dalam mencari identiti dan perlukan bimbingan agar pelajar remaja ini mendapat panduan yang tepat sebagai remaja muslim.

Rentetan itu, pastinya bimbingan pertama yang perlu diberikan kepada siswazah guru ini ialah bimbingan kerohanian. Isu-isu kerohanian pelajar Institut Pengajian Tinggi ini amat berkait rapat dengan amalan kerohanian pelajar walaupun bagi setiap universiti itu mempunyai takrifan yang berbeza dalam memberi maksud salah laku pelajar, situasi ini dinyatakan dalam laporan 2022 Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn daripada jabatan hal ehwal pelajar bagi 2 buah institut pendidikan





guru di Malaysia di mana 50% pelajar yang bermasalah disiplin lemah dalam amalan kerohanian. media massa antaranya berkaitan salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di peringkat pengajian tinggi telah banyak dilaporkan dalam media massa terutama media cetak. Kesalahan khalwat, bersekedudukan, dan menjual maruah adalah sebahagian daripada salah laku yang pernah di laporkan oleh pelajar IPT. Berdasarkan laporan Berita Harian dalam terbitan 22 Mei 2022 melaporkan Setiausaha Parlimen di Kementerian Pendidikan Tinggi menyatakan bahawa khalwat dan berdua-duaan adalah kes paling tinggi dikenakan tindakan tatatertib membabitkan pelajar IPT mengikut AUKU 1971.

Menurut Mohd Faruhi, Siti Rozaina dan Mariny (2022), statistik menunjukkan sejak 1971 sehingga awal tahun 2022, sebanyak 381,735 kegiatan berkenaan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti. Jelas daripada laporan di atas angka menunjukkan satu jumlah yang besar dan perlu dilakukan sesuatu dengan cara memberi kesedaran dalam bentuk rohani atau spiritual kepada mahasiswa. Manakala laporan yang dikeluarkan oleh unit psikologi dan kaunseling Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussien Onn mendapati kategori isu disiplin pelajar di bawah kesalahan menipu, berdua-duaan, ponteng acara keagamaan dan acara rasmi dan pelajar-pelajar ini yang mengikuti sesi kaunseling setiap tahun dan setiap semester menunjukkan jumlah kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 30% bagi tahun 2018, 25% bagi tahun 2019 dan 27% bagi tahun 2022 berbanding kategori kes yang lain seperti akademik kekeluargaan dan lain-lain. Kategori disiplin ini termasuklah tidak menghadiri kuliah, tidak menghadiri program rasmi, tidak menghadiri program yang dijadualkan, menipu, mencuri, buli, tidak mematuhi peraturan asrama.





Dari perspektif Islam, spiritual adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia. Spiritual adalah dimensi agama. Hubungan antara spiritual dan agama dijelaskan oleh Al-Qaradawi (2001). Dari perspektif psikologi Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek spiritual dan jasmani (Sham, et. al.: 2015). Oleh itu, individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek spiritual dan material.

Tidak dinafikan bahawa perkembangan keilmuan moden telah begitu didominasi oleh fahaman sekularisme. Fahaman yang sedemikian lama mendominasi sejarah peradaban moden hingga akhirnya telah memberikan jurang pemisah yang mendalam antara ilmu dengan spiritual agama. Antara pandangan yang menjadi rujukan ramai adalah pandangan Abraham Maslow.



Teori yang dikemukakan oleh Maslow (1970) iaitu Teori Hierarki Keperluan Maslow telah mengelaskan keperluan asas manusia kepada lima keperluan mengikut hierarki. Keperluan asas tersebut ialah keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, penghargaan sendiri dan juga peringkat yang tertinggi iaitu kesempurnaan sendiri. Teori ini juga menggambarkan bahawa manusia harus berikhtiar sehabis mungkin untuk memenuhi keperluan yang asas dahulu sebelum berhijrah untuk mengisi keperluan yang lebih tinggi. Dalam proses memenuhi keperluan hidup, teori ini secara jelas tidak meletakkan nilai agama sebagai salah satu motivasi tingkah laku manusia.

Adapun Zohar dan Marshal (2000) berpendapat berkaitan kecerdasan spiritual apabila mereka mengatakan bahawa kecerdasan spiritual iaitu kecerdasan untuk





menghadapi persoalan makna atau *value* dan kecerdasan yang menempatkan hidup dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, tidak semestinya berhubungan dengan agama. Ungkapannya ini memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut. Sebagai contoh yang lain ialah pandangan Frankl yang menyebut bahawa spiritual dimaksudkan sebagai inti kemanusiaan dan sumber makna hidup dan potensi dari berbagai kemampuan dan sifat luhur manusia yang luar biasa. Bagi beliau, spiritual hanyalah aspirasi manusia untuk hidup bermakna dan tidak langsung mengandungi erti agama (Frankl, 1997). Meskipun tidak dinafikan bahawa aliran ini sering menyebut dan mengakui adanya daya spiritual dalam struktur keperibadian manusia, namun spiritual yang dimaksud oleh mereka ini bukanlah agama, tetapi hanya kebergantungan manusia pada sesuatu yang hanya nampak di hadapan mata.



Justeru berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan jelas menunjukkan kerohanian atau spiritual ini sebagai asas dalam membina kecerdasan emosi dan pemangkin yang ampuh dalam menghasilkan emosi dan seterusnya membina kepala amalan akhlak mulia dalam kehidupan seharian sebagai muslim dan ia juga punca kepada gejala sosial dalam masyarakat sekiranya kelompongan kerohanian ini tidak di isi. Oleh itu, dalam membangun sumber modal insan yang holistik ia memerlukan kepada keseimbangan jasmani dan rohani.

Sejak beberapa dekad yang lalu perbincangan tentang kajian dan rumusan mengenai kerohanian dan kecerdasan emosi tidak pernah terhenti sehingga hari ini. Jelas kerana kedinamikan elemen kerohanian dan kecerdasan emosi ini sifatnya yang dinamik boleh diubah oleh individu itu sendiri dengan kesedaran dan kemahuan





individu tersebut dengan dibantu oleh pendekatan teori tingkah laku (CBT) maka fenomena perbincangan ilmiah tentang kerohanian ini berterusan adalah disebabkan kepentingan kerohanian itu jelas merupakan konstruks dalam dalam setiap diri manusia dan elemen utama kepada perubahan dan perkembangan positif kecerdasan emosi seseorang individu itu sendiri.

### 1.3 Penyataan Masalah

Pembangunan semula kerohanian dalam konteks iman dan takwa ke atas pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia yang dalam tahap rendah atau tahap sederhana rendah dalam konsep kerohanian seharusnya menjadi fokus utama sistem pengajaran dan pembelajaran di Institusi pendidikan guru Malaysia. Ini kerana kerohanian merupakan konstruk amat penting sekali dalam membentuk kecerdasan emosi manusia dan mempunyai perkaitan dengan kecerdasan Emosi siswa guru.

Perubahan status dari seorang pelajar sekolah menengah kepada pelajar institusi Pendidikan Guru membawa kepelbagaian dalam menghadapi cabaran dan masalah. Cabaran ini bukan sahaja dari segi emosi, malahan tekanan dari sudut pengurusan diri, kecekapan sosial, kemahiran sosial, psikologi mahupun ekonomi. Masalah utama yang dihadapi oleh seseorang pelajar program persediaan ijazah sarjana muda perguruan ialah dalam konteks pengurusan kerohanian, Bagi mencapai pengurusan emosi, pengurusan diri dan kemahiran sosial dan kecemerlangan akademik yang baik ia bermula daripada elemen kerohanian yang mana bakal siswa guru ini hendaklah baik





lagi cemerlang dalam menguruskan elemen kerohanian bagi mencapai kecemerlangan dalam pengurusan kehidupan sebagai siswa guru.

Dalam situasi begini, seorang tokoh kerohanian dan pembangunan jiwa insan iaitu al-Muhasibi. Menurut Imam al-Muhasibi (1973), roh merupakan pemberian suci daripada Allah s.w.t. kepada manusia. Anugerah roh ini mula ditiupkan olehnya semasa proses awal kejadian manusia. Menurut al-Muhasibi lagi, kesucian hati insan boleh dikenalpasti berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui oleh jiwa seorang sufi dalam mengharungi perjalanan rohaninya tentang hakikat yang terbuka kepadanya dan tentang berbagai makrifat yang terjejas kepadanya (al-Taftazani, 1996: 110).



Justeru dalam membangun semula insan perlulah dibangunkan daripada pasak

atau akarnya iaitu ruhaninya perlu dibangunkan melalui amalan-amalan baik dalam kehidupan seharian pelajar-pelajar siswa guru ini samada ketika mana mereka bersendirian mahupun ketika bersama rakan atau masyarakat sekeliling. Lantaran itu definisi baik dalam kajian ini bermaksud baik dari seperti yang diajar oleh Islam. Baik perlu bermula dari dalam iaitu dari keimanan, dengan iman barulah akan muncul sebenar-benar baik, dan dengan kesedaran kepada amalan dan sikap yang baik ini tingkah laku siswa guru akan selari dengan kehendak disiplin dalam buku peraturan pelajar Institut Pendidikan Guru dan pastinya sikap dan amalan baik itu yang akan menentukan bahawa orang yang bertingkahtaku itu masuk syurga atau neraka. Hakikatnya, amalan kerohanian merupakan tunjang dan sumber bagi mencapai kecekapan dalam pengurusan emosi yang baik. Pengurusan diri yang baik dan kemahiran sosial yang baik. Semasa mereka berada di sekolah ibu bapa keluarga





berdekatan dengan mereka walaupun tinggal di asrama, namun apabila bergelar pelajar PPISMP IPG kini mereka berjauhan dengan keluarga. Tambahan pula mereka baru belajar membiasakan diri dengan disiplin di IPG serta jadual yang padat. Oleh itu, pelajar perlu bijak mengatur jadual kerana tugas akademik yang padat serta aktiviti kokurikulum, aktiviti asrama dan sebagainya yang mewajibkan pelajar melibatkan diri, atas desakan situasi ini. Maka kajian dibuat bagi melihat perkaitan juga kesinambungan antara kerohanian dan kecerdasan emosi berdasarkan teori kognitif tingkah laku .

Pada peringkat awal ini iaitu enam bulan pertama dalam program PPISMP ini pelajar memerlukan panduan bagaimana untuk mengurus kerohanian bagi mencapai kesempurnaan pengurusan kecerdasan emosi sehinggalah pelajar-pelajar ini memasuki program ijazah perguruan dalam tempoh tiga tahun seterusnya mereka akan menjadi seorang guru muslim yang memiliki kecerdasan rohani yangn baik yang akan mempengaruhi kecerdasan emosi dari sudut atau subskala mengenal emosi diri (ME), Pengurusan Diri (PD), Kecekapan Sosial (KS) dan Kemahiran Sosial (KMS).

Justeru berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan jelas menunjukkan kerohanian atau spiritual ini sebagai asas dalam membina kecerdasan emosi antaranya, Menurut Zainudin dan Norazmah (2011) dalam kajian beliau di SK Nukit Lereh, Jika ditinjau dari aspek pengaruh kerohanian mendapati lebih separuh pelajar dalam kajian ini yang terlibat dalam masalah sosial disebabkan mereka kurang mengamalkan amalan-amalan agama disamping turut mengalami gangguan emosi yang berpanjangan. Berdasarkan kedua-dua aspek yang dinyatakan tadi, iaitu masalah sosial dan pengaruh kerohanian, kajian beliau mendapati bahawa jumlah pelajar yang mengakui pentingnya amalan kerohanian seramai 58.2%. Hakikat yang berlaku ialah sebanyak mengakui





mereka kurang mengalami gangguan emosi disebabkan amalan agama seharian yang mereka lakukan iaitu seramai 41.8%.

Bertepatan dengan itu, menurut Goleman (1995), kualiti dan nilai kecerdasan emosi (EQ) amat berbeza dengan *Intelligence quotient*. Secara umum mengetahui bahawa IQ tidak sekali-kali mengalami perubahan manakala kecerdasan pula boleh dipelajari dengan sangat mudah dimana samada individu berkenaan seorang yang peka atau tidak, seorang pemalu, seorang yang mudah marah atau pemaarah atau seorang yang mengalami kesukaran dalam bersosial antara individu lain walaupun dengan cara telah diberikan motivasi atau usahanya sendiri. Kita boleh mempelajari kecerdasan emosi tersebut, namun begitu, perlunya diiringan dengan *Intelligence quotient* dan kecerdasan emosi dalam mendapat keseimbangan diantara kedua-duanya., Keadaan ini bertambah serius apabila terdapat penemuan terbaru dalam bidang *Spiritual Quotion* iaitu kecerdasan spiritual yang seharusnya ada atau dipupuk dalam diri setiap manusia tidak kira golongan remaja, golongan pemuda mahupun golongan remaja disusuli dengan keinginan mereka dalam penambahan ilmu pengetahuan adalah sebanyak 4.88 dan seterusnya dalam konteks untuk menambah ilmu pengetahuan mereka dalam bidang pendidikan Islam sebagai panduan hidup mencatat min 4.84 Sementara item yang mendapat skor sangat rendah dalam kalangan guru pelatih menyatakan keperluan mereka terhadap aktiviti kerohanian ialah kemampuan mereka menyampaikan dakwah kepada pelajar lain yang hanya mencatat min 4.42, diikuti untuk membersihkan jiwa dengan catatan min 4.65. Item pembangunan keyakinan diri pula mencatat min 4.68 sahaja (Sharifah Noraida & Sharifah Fatimah, 2011).





Penyataan di atas telah terbukti menunjukkan betapa kajian untuk mengenal pasti dan membangun semula kerohanian pelajar Institut Pendidikan Guru dalam subskala akidah, ibadah dan akhlak. Bagi subskala aqidah ia bertujuan untuk membuat penilaian atau menilai sejauhmanakah tahap ketakwaan dan keimanan mereka dalam mentaati perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya, subskala ibadah pula adalah bagi melihat sejauhmanakah amalan seharian mereka hasil dari kepercayaan, ketakwaan dan keimanan mereka diterjemahkan melalui ibadah dan subskala akhlak yang ditonjolkan hasil daripada keyakinan dan ketakwaan mereka dalam aqidah dan konsep ibadah itu sendiri maka diterjemahkan oleh akhlak.

Justeru itu jelaslah di sini bahawa satu kajian pembangunan modul perlu dibuat berdasarkan teori kognitif tingkah laku terhadap kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar berdasarkan kepada proses pembangunan kerohanian menurut al-Muhasibi. Oleh kerana modul sebegini masih tiada diketengahkan lagi iaitu modul kerohanian berasaskan al-Muhasibi menggunakan teori kognitif tingkah laku (CBT). Ini dapat dibuktikan melalui dapatan-dapatan kajian di atas yang membuktikan bahawa keperluan kerohanian dalam membentuk kecerdasan individu. Proses pembangunan kerohanian menurut al-Muhasibi menjadi tumpuan utama dalam strategi penyelesaian pelbagai kesalahan salahlaku pelajar IPG yang mana kerohanian mereka perlu di bugarkan dan dibajai dengan pengisian dan nilai dalam mencari penyelesaian bagi pelbagai salahlaku pelajar berdasarkan teori kognitif tingkah laku (KTT) atau dikenali juga sebagai terapi kognitif tingkah laku (CBT) berasaskan kepada model proses pembangunan kerohanian al-Muhasibi.





Pengaruh konsep kerohanian memainkan peranan dan mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam kehidupan seseorang. Maka Ushuluddin et al. (2021) menegaskan bahawa kecerdasan manusia diperolehi melalui Kuota Intelektual (IQ), Kuota Emosi (EQ), dan Kuota Rohani (SQ). Walau bagaimanapun, pelbagai bentuk kecerdasan ini tidak dapat menjelaskan intipati sumber kecerdasan sebenar ini kerana ruh sebagai sumber kecerdasan, wujud dalam diri setiap manusia dan ia mempunyai keupayaan untuk merasa, yang merebak ke seluruh deria manusia. Ini menerangkan hubungan antara ruh dan *al-aql* (akal/akal), *al-qalb* (hati), dan *an-nafs* (diri).

Menurut tokoh kerohanian tersohor al-Muhasibi (1994), insan tergolong dalam kalangan makhluk yang hidup iaitu seperti juga malaikat dan haiwan ia termasuk juga insan yang tergolong dikalangan makhluk. Tabiat merupakan elemen yang semestinya ada bagi seetiap makhluk yang hidup tentunya memiliki tabiat tertentu yang tersendiri seperti tabiat malaikat adalah tabiat sentiasa taat dan tidak pernah ingkar perintah Allah s.w.t telah menganugerah kan akal fikiran dan penglihatan jelas lagi baik untuk mengetahui setiap perintah suruhan dan larangannya. Dia juga telah melepaskan malaikat dari hawa nafsu dan keseronokan syahwat agar mereka sentiasa taat akan perintah Allah.

Menurut al-Muhasibi lagi dalam al-Nadwi (1994) adapun dikatakan tabiat haiwan itu pula adalah kontra dengan tabiat malaikat. Ianya lebih berlandaskan lebih kepada keinginan syahwat tanpa dibekalkan akal fikiran dan penglihatan. Namun Allah berkuasa mentakdirkan mereka supaya tidak akur segala kehendak syahwat (al-Nadwi 1994). Al-Muhasibi (1990) berpandangan lagi bahawa sedangkan tabiat insan menurut al-Muhasibi adalah kombinasi daripada tabiat malaikat dan tabiat haiwan, Allah s.w.t





menganugerahkan akal fikiran buat insan untuk mengetahui dan mentaati perintah serta larangannya selain mendalami dan memahami kesan dan akibat daripada setiap perilaku dan tindakan yang telah mereka lakukan. Allah juga telah membekalkan mereka dengan kepelbagaian dalam melayan naluri contohnya naluri cenderung dan cinta kepada perkara yang disukai dan membenci perkara yang dibenci dan perkara yang menyakiti mereka, anugerah akal fikiran juga adalah untuk melawan rayuan dan rintihan nafsu yang mempengaruhi naluri insan bagi melakukan perkara yang bertentangan dari ajarannya (al-Muhasibi, 1990).

Dalam memperkatakan keadaan ini, al-Ghazali (2000), “terdapat empat elemen kerohanian manusia iaitu al-ruh, al-qalb, al-‘aqlu dan al-nafs., ini menjelaskan bahawa bidang kerohanian adalah aspek ma’nawi yang terpendam dalam diri manusia., aspek ini sepatutnya tidak diabaikan dalam segala aktiviti pembelajaran terutama dalam kalangan pelajar muslim bagi menjamin kejituan pegangannya dengan tuhan dalam usaha mencapai kejayaan”. Menurut Mohammad Shatar (2005), antara aspek-aspek yang mampu menyumbang kepada pembelajaran berkesan adalah melalui pengukuhan kerohanian kerana aspek kerohanian ini memiliki perkaitan yang amat rapat dengan aspek psikologi dan mental manusia dalam konteks kejituan terhadap pergantungan mereka iaitu manusia kepada Allah.

Selaras dengan Falsafah pendidikan Islam yang memainkan peranan dalam menetapkan dasar bagi melahirkan insan soleh dan bertaqwa, warganegara yang tinggi keimanannya dan memiliki peribadi mulia lagi seimbang dari sudut material dan kerohanian. Al-Attas (1994) yang menjelaskan bahawa hakikat keinsanan merujuk kepada manusia adalah makhluk berkedudukan dan perlu diiktiraf oleh makhluk yang





lain, kedudukan manusia dilihat kepada kelebihan berakal yang diseimbangi dengan rohaniah dan jasmaniah.

Bagi kajian-kajian di Malaysia yang melihat hubungan kerohanian dan kecerdasan emosi antaranya ialah kajian yang dibuat oleh Che Su, Nuredayu dan Munif Zariruddin (2010) berkaitan ESQ pelajar yang berada di asrama penuh dan Institusi Pengajian Tinggi mendapati kecerdasan emosi dan spiritual mampu membantu para pelajar mencapai prestasi yang memuaskan serta mampu menangani permasalahan lain yang wujud dalam kehidupan seharian mereka.

Seringkali dikaitkan kerohanian dengan keimanan dan ketakwaan, perasaan bertanggungjawab terhadap pencipta dan penghayatan nilai-nilai agama dalam mendepani permasalahan dalam kehidupan seharian. Menurut Profesor Dato' Dr Abdul Shukur bin Hj Husin dalam Prosiding konvensyen Islam Hadhari (2006) Keimanan memberi pengertian kepercayaan dan pegangan hidup yang jitu tidak hanya tersemat dihati tetapi ia diiringi dengan ketaatan kepada Allah dan mengamalkan segala amalan yang diperintah dan meninggalkan segala apa yang ditegah oleh Allah SWT, keimanan berkait rapat dengan fitrah kejadian manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Oleh itu Ulama menegaskan bahawa fitrah manusia itu adalah keimanan dan kepercayaan, manakala ketakwaan pula adalah natijah daripada pentarbiahan keimanan melalui amalan soleh, ini bermakna orang yang bertakwa adalah orang yang telah diuji keimanannya sehingga mampu menjadikannya sebagai pelita yang menyulahi dalam kehidupannya, maka ia dikatakan sebagai orang yang bertakwa kerana dalam kehidupannya telah dipelihara dan dihindari dari segala perbuatan keji malah ia sentiasa melakukan yang terbaik dan bermanfaat dalam setiap aktivitinya.





Justeru itu dari kacamata Islam, dimensi kerohanian seseorang itu tidak akan dapat diperkasakan, tanpa ada kepatuhan dan unsur untuk menundukkan diri dalam melaksanakan syariat atau segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya seperti sembahyang dan puasa terlebih dahulu. Ini kerana syariat adalah laluan kepada kemajuan kerohanian, manakala akhlak pula memaksa dimensi roh kepada syariat Islam tersebut, syariat tanpa akhlak menyebabkan semua ibadah menjadi sia-sia dan terbatal (Mohd Nasir, 2016).

Oleh itu, aspek yang membentuk Kecerdasan Emosi manusia salah satunya adalah kerohanian sebagaimana yang dibicarakan dalam model kecerdasan emosi Goleman. Selaras dengan visi Institut Pendidikan Guru merupakan institut yang melahirkan guru yang profesional yang mempunyai wawasan dan daya inovasi berdasarkan budaya ilmu dan budaya etika berkualiti untuk keharmonian sejagat. Justeru berdasarkan visi ini segalanya bermula daripada kerohanian yang akan menzahirkan tingkah laku, ini kerana apabila kerohanian seseorang individu itu kukuh dari segi pegangan aqidah, amalan ibadah dan pengurusan akhlak ia akan menghasilkan keperibadian luaran yang baik, disamping ia akan melahirkan Guru yang mempunyai keperibadian syumul bertetapan dengan keperibadian Rasulullah.

Bagi satu kajian barat di mana satu hasil kajian di Amerika Syarikat pada tahun 1918 berkenaan kecerdasan intelek (IQ) terang lagi bersuluh menunjukkan kebimbangan yang serius di mana skor IQ kanak-kanak semakin baik dan kecerdasan emosi semakin merosot (Austin, 2005). Berdasarkan kenyataan Augustin itu, menurut Che Su et al. (2010) berasarkan kenyataan di atas kegusaran yang wujud ialah apabila hasil tinjauan menunjukkan bahawa anak-anak generasi kini lebih banyak menghadapi





permasalahan emosi berbanding dahulu. penyelidikan yang dijalankan oleh najib dan rakan-rakan (2003) tentang tahap kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam di Malaysia menunjukkan secara umum tahap EQ responden berada dalam aras yang tidak memuaskan.

Menurut Goleman (1995) kualiti dan nilai kecerdasan emosi (EQ) amat berbeza dengan IQ. Secara umum mengetahui bahawa IQ tidak sekali-kali mengalami perubahan manakala kecerdasan pula boleh dipelajari dengan sangat mudah samada individu berkenaan seorang yang peka atau tidak, seorang pemalu, seorang yang mudah marah atau pemaarah atau seorang yang mengalami kesukaran dalam bergaul dengan orang lain sekalipun dengan motivasi atau usaha sendiri, kita dapat mempelajari kecerdasan emosi tersebut, namun begitu, keseimbangan antara IQ dan EQ harus wujud, perkara ini ditambah lagi dengan penemuan terbaru dalam bidang SQ iaitu kecerdasan spiritual yang seharusnya wujud dalam diri setiap individu tidak kira golongan remaja, golongan pemuda mahupun golongan remaja.

Ini diperkukuhkan lagi dengan pendapat al-Muhasibi bahawa faktor kejengkilan dalam perbuatan manusia adalah datangnya dari jiwa dan hati insan yang tidak terbina dengan begitu sempurna. Situasi ini adalah hasil akibat langsung dari hati insan yang tidak istiqamah dalam melawan hasutan-hasutan hawa nafsu dan hasutan syaitan sehingga mengakibatkan hati dimonopoli oleh nafsu al-ammarah (al-Muhasibi, 2001).

Menurut Zakaria Stapa, beliau mendapati dalam kajian beliau bahawa al-Muhasibi telah menggunakan beberapa proses dalam usaha mempraktikkan pembangunan kerohanian berasaskan pendidikan kejiwaan dalam memastikan diri





insan terus terbangun secara sempurna sepertimana acuan islam. Penulis merasakan sesungguhnya proses ini amat diperlukan kerana peranannya dalam mewujudkan insan kamil di sisi Allah s.w.t. dan hanya insan yang telah terbangun dengan sempurna sahaja akan mampu mengurus dan mentadbir alam ini dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, proses dalam membangunkan kerohanian menurut al- Muhasibi adalah melibatkan dua komponen penting yang ada dalam diri insan iaitu komponen asas-asas negatif dan komponen asas-asas positif.

Bagi kajian di Malaysia, walaupun terdapat kajian bagi melihat hubungan kerohanian dan kaitannya dengan sikap pelajar sekolah menengah juga pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Namun kajian yang memfokuskan kepada modul kerohanian untuk peningkatan kerohanian dan kecerdasan emosi (EQ) secara khusus adalah amat sedikit.

Antara kajian yang menjadikan kerohanian sebagai pemboleh ubah utama ialah Kajian Salasiah Hanim, Ermy Azziyati, Rosmawati dan Zainab (2012) yang mendapati amalan kerohanian ini adalah aspek utama dalam dunia pengajian akademik pelajar universiti dan institusi pengajian tinggi.

Kerohanian adalah penting dalam perkembangan kehidupan manusia, menurut Imam al-Ghazali (2000) kerohanian manusia merujuk kepada empat perkara iaitu al-ruh, al-qalb, al-'aqlu dan al-nafs. Pendapat Imam Ghazali ini disokong oleh al-Muhasibi bahawa punca faktor perbuatan manusia yang menjengkilkan adalah dari jiwa dan hati insan yang mana pembinaannya tidak sempurna juga mengalami kecacatan dalam pembinaannya. Situasi sebegini merupakan akibat langsung dari hati yang tidak istiqamah dalam melawan hasutan-hasutan hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hati dikuasai oleh nafsu al-ammarah (al-Muhasibi, 2001).





Perbincangan berkaitan kerohanian masih lagi menjadi perbincangan dan topik yang sentiasa dibincangkan serta kajian berkaitannya hingga hari ini. Ini kerana kepentingan kerohanian itu sendiri sebagai tunjang atau konstruk yang paling utama dalam diri manusia kerana ia mampu dan berkebolehan besar dalam mempengaruhi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain. Selain itu berdasarkan penemuan terbaru pengkaji barat yang telah mengakui kepentingan kerohanian sebagai pencetus dan api pembakar kecerdasan emosi manusia, sepertimana yang diakui oleh Goleman (1995) berpendapat bahawa nilai kecerdasan emosi (EQ) sangat berbeza dengan IQ dari segi kualitinya. Bahawa sesungguhnya umum mengetahui adapun IQ itu tidak sekali-kali mengalami perubahan manakala kecerdasan pula boleh dipelajari dengan sangat mudah dimana samada individu berkenaan seorang yang peka atau tidak, seorang pemalu, seorang yang mudah marah atau pemarah atau seorang yang mengalami kesukaran dalam bergaul dengan orang lain sekalipun dengan motivasi atau usaha sendiri, kita dapat mempelajari kecerdasan emosi tersebut, namun begitu, keseimbangan antara IQ dan EQ harus wujud, perkara ini ditambah lagi dengan penemuan terbaru dalam bidang SQ iaitu kecerdasan spiritual yang seharusnya wujud dalam diri setiap individu tidak kira golongan remaja, golongan pemuda mahupun golongan remaja. Bagi Amalan-amalan yang bersifat wajib seperti solat dan puasa menyumbang kepada ketiga-tiga faktor kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri ini dijelaskan melalui dapatan kajian Mohd Sabri bin Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Abdul halim Tamuri dalam *Jurnal of Islamic and Education 1*(2012).

Selain itu, dapat dibuktikan bahawasanya kepentingan yang mendalam terhadap kerohanian melalui bukti-bukti penulisan, pengkajian dan perbahasan mengenai kerohanian telah lama diamalkan dan dikaji oleh ahli-ahli tasawwuf. Kecerdasan emosi





sering dikaitkan dengan kerohanian ini seperti dalam kajian Siti Sarawati Hj Johar dan Dr Ishak bin Md Shah berkaitan kecerdasan emosi ketua dalam elemen tadbir urus insan dari perspektif model kerohanian al-Ghazali yang mengenengahkan kerohanian manusia merujuk kepada empat perkara iaitu al-ruh, al-qalb, al-'aqlu dan al-nafs. Perkataan- perkataan yang disenaraikan ini terdapat dalam al-Quran kecuali al-'aqlu. Walau bagaimanapun, kewujudannya bersifat tetap namun dalam pelbagai bentuk yang menandakan dan menghala ke arah dan aspek pemikiran manusia sepertimana yang kita semua temui dalam surah-surah tertentu dalam al-Quran (Zaini & Syed, 2010).

Imam Yusuf al-Qardawi (1998) juga telah menjelaskan pandangan ini dalam Aminuddin (2009) berkenaan di mana dengan menjelaskan tempat atau lebih jelas sebagai kedudukan akal untuk berfikir dalam al-Quran yang telah dibuat pengulangan sebanyak 49 kali. Dengan ini ia membawa maksud yang simbolik agar manusia jelas berdasarkan pengulangan ayat di atas berkaitan konsep berfikir dan dapat berfikir menurut Islam bahawa konsep keperluan berfikir dan dapat berfikir itu sendiri amat digalakkan dan menjadi kewajipan khasnya dalam membuat ketetapan hukum untuk setiap tindakan muslim khasnya berdasarkan ketetapan kaedah dalam hukum dan amnya manusia, inilah konsep berfikir dan dapat berfikir yang dianjurkan menurut kacamata Islam. Setiap keputusan yang diambil hendaklah berfikir dengan cara meletakkan hukum hakam Allah dihadapan sebelum bertindak, maka setiap tindakan itu pastinya dan dengan yakin lagi jitu tidak akan lari daripada batasan syarak yang berkait rapat dengan aqidah, ibadah dan akhlak yang mana elemen-elemen ini akan memberi kesan pada setiap tindakan terhadap diri sendiri mahupun insan sekeliling yang akan menerima tempiasnya, maka semuanya akan merasakan keharmonian dan ketenangan sekiranya mengamalkan berfikir menurut al-quran.





Akal dan al-Quran bergerak seiringan ini memberi maksud bahawa akal yang dipimpin oleh al-Quran untuk menentukan ilmu pengetahuan yang disampaikan adalah sesuatu yang memberi bermanfaat lagi benar membenarkan (Sidek, 2009) dalam Aminuddin (2009). Menurut al-Quran juga kedudukan wilayah batiniah iaitu roh, hati, jiwa dan akal itu masih tidak dapat dibuat dengan satu penjelasan dengan satu kata sahaja, contohnya perkataan kata nafs yang membawa pengertian jiwa. Begitu juga terdapat istilah-istilah lain yang sama iaitu qalb (hati) dan aql (akal) tiada juga al-Quran menyebutnya bukan sahaja ia sekadar dalam bentuk kata benda sahaja, tetapi juga dalam bentuk kata kerja (Komaruddin, 2002 dalam Aminuddin, 2009).

Berdasarkan kajian- kajian di atas walaupun terdapat kajian-kajian untuk melihat hubungan pemboleh ubah konsep kerohanian konstruk kerohanian yang lain agak banyak sekali dijalankan, namun kajian yang memfokuskan intervensi untuk peningkatan konsep kerohanian secara khusus berdasarkan pembangunan model al-Muhasibi menggunakan kelompok kaunseling berstruktur masih tiada lagi di buat kajian.

Bagi menggubal intervensi peningkatan kerohanian dan kecerdasan emosi yang berkesan, kajian oleh Mohd Izwan dan Saiful (2015) dalam dalam *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*. Yang mengkaji keberkesanan intervensi konsep kerohanian terhadap penagih dadah mendapati bentuk pengisian yang dikendalikan oleh JAKIM meliputi perkara asas agama seperti bimbingan solat, bengkel fardhu ain,tazkirah, qiamullail serta muhasabah diri amat memberi kesan positif dan membina kecerdasan emosi dalam menangani isu ketagihan dadah ini intervensi ini terapi kerohanian yang dijalankan selama 40 hari ini jelas





memberikan kesan mendalam kepada tindakan dan kecerdasan emosi mereka. Menurut Dr. Muhammad Yusof Khalid (2010), seorang pakar *Psycho-Spiritual Therapy Approach For Drug Addiction Rehabilitation* mendapati terapi psiko-kerohanian yang digunakan dalam usaha merawat dan memulihkan penagih dadah dan ketagihan mereka adalah amat berkesan.

Kajian oleh Khadijatul Mardhiyah dan Zaidi (2022) terhadap keberkesanan intervensi kerohanian terhadap aktiviti kerohanian yang dijalankan terhadap tahap kesunyian warga emas ke atas 40 orang warga emas mendapati tahap kesunyian warga emas berada pada tahap sederhana dan dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesan intervensi aktiviti kerohanian terhadap tahap kesunyian warga emas.



Antara kajian yang menjadikan konsep kerohanian atau keagamaan sebagai pemboleh ubah utama ialah kajian yang dibuat oleh Md. Noor (2012) yang mendapati kelompok kaunseling berstruktur berkesan dalam meningkatkan konsep kerohanian pelajar. Sementara itu, kajian-kajian lain lebih melihat konsep kerohanian ini sebagai pemboleh ubah tambahan kesan daripada intervensi lain yang dijalankan antaranya seperti kesan kajian kelompok terhadap Pembangunan kerohanian dikalangan guru pelatih PPISMP perlu diberi perhatian khas seawal bakal-bakal guru ini mendaftar di Institut Pendidikan Guru di Malaysia hendaklah melalui pemantapan program-program kerohanian dalam minggu pengurusan pelajar baharu lagi. Ini kerana untuk memastikan diri insan guru terus terbangun dengan begitu sempurna dengan kecerdasan emosinya seiring dengan kerohanian sepertimana acuan Islam lebih lagi apabila mereka berada





dalam tahap program Ijazah Sarjanamuda Perguruan (PISMP) Seterusnya bergelar sebagai guru.

Justeru untuk memastikan diri insan guru terus terbangun dengan begitu sempurna dengan kecerdasan emosinya seiring dengan kerohanian adalah dengan menjadikan program-program kerohanian ini sebagai tunjang dalam setiap program pada peringkat awal. Ini kerana berdasarkan beberapa kajian telah jelas dan sangat terbukti bukan sahaja diperingkat remaja malah dewasa bahawa dengan tingginya amalan dan pentabiatan dalam kerohanian akan memberi kesan yang besar dalam pemikiran seterusnya tindakan seseorang dalam membuat keputusan yang mana akan terzahirlah akhirnya melalui akhlak. Kerana dalam komponen kerohanian itu terdiri dan terbangun di dalamnya komponen aqidah, komponen ibadah dan komponen akhlak yang mana dalam setiap komponen ini pelaksanaannya telah diajar dengan sejelas-jelasnya melalui al-quran dan al-Sunnah sebagai panduan dan sekiranya panduan ini diikuti dalam setiap pemikiran maka ia akan menjadikan sesuatu tindakan itu tepat dan pastinya insan sekeliling mendapat tempias keharmonian apabila bersamanya, insan sekeliling yang dimaksudkan bagi bakal guru ini adalah rakan mereka, pensyarah, warga institut dan yang paling utama adalah pelanggan mereka yang pastinya adalah anak murid mereka.

Sehingga kini jabatan hal ehwal pelajar IPG kampus Tun Hussien Onn dan unit psikologi kaunseling masih lagi belum ada modul kerohanian sebagai intervensi terhadap masalah kerohanian yang dihadapi pelajar muslim. Dan jelas bahawa kajian ini masih belum banyak diketengahkan iaitu modul kerohanian menggunakan teori tingkah laku kognitif untuk melihat kesan terhadap kecerdasan emosi dalam mengurus





kehidupan seharian sebagai pelajar. Yang mana intervensi ini sewajibnya dan perlu dilakukan lebih awal iaitu seawal program suai kenal dengan cara mengenalpasti identiti emosi bakal guru bagi mencegah masalah rendah atau sederhana rendah dalam amalan kerohanian, ini kerana pelajar yang mendaftar sebagai siswa pendidik ini mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza dalam banyak aspek. Justeru modul ini juga sebagai salah satu langkah dalam memberi kesedaran terhadap amalan kerohanian dikalangan pelajar Institut Pendidikan Guru kerana modul itu amat penting untuk mengenalpasti tahap kerohanian pelajar seterusnya melalui modul seperti ini akan membina kecerdasan emosi bakal siswa guru ini dalam memiliki kemahiran pengurusan diri, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi dan kecekapan sosial disamping dapat memberi penambahan dan pengukuhan dalam pembangunan jati diri seorang guru pelatih muslim yang akan menjadi contoh kepada pelanggan mereka di



Sekolah Rendah seluruh Malaysia kelak.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Di antara tujuan dan matlamat untuk membina modul bimbingan kerohanian menurut perspektif Islam yang dinamakan sebagai Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi (MPIM) yang mana modul ini akan menguji dari aspek kerohanian dan EQ Pelajar. Pembangunan Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi adalah berpandukan prosedur pembangunan modul Russel (1974) dan Sidek dan Jamaludin (2005) dan menggunakan teori Terapi Kognitif Tingkahlaku (*kognitif behavioral therapy*). Untuk melihat sejauhmana modul ini menepati penggunaanya untuk digunakan oleh pembimbing unit kerohanian dan juga kaunselor di Institut Pendidikan Guru Malaysia, modul ini





seterusnya diuji ke atas pelajar Institut Pendidikan Guru kampus Tun Hussien Onn, disamping itu fokus utama kajian ini adalah bagi melihat kesan kerohanian begitu juga kesan kepada EQ pelajar.

#### 1.4.1 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian adalah rawatan untuk mengkaji kesan Modul al-Muhasib yang diaplikasikan dalam kelompok rawatan (KE) dan kelompok kawalan (KK) ke atas konsep kerohanian (KR) dan kecerdasan emosi (EQ) – terhadap pelajar Intitut Pendidikan Guru. Justeru, secara khususnya objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pemboleh ubah bersandar konsep kerohanian (KR), dan kecerdasan emosi (EQ) terhadap kelompok rawatan (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).
2. Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala konsep kerohanian (KR) – pelajar IPG iaitu akidah (AQ), ibadah (IB) dan akhlak (AKH) terhadap kelompok rawatan (KE).
3. Menguji samada terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min pra ujian dan pos ujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu mengenal emosi (ME), pengurusan diri (PI), kecekapan sosial (KS) dan kemahiran sosial (KMS) kelompok rawatan (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).





Berdasarkan tujuan yang dinyatakan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa kajian ini berbentuk rawatan bagi menguji Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi (MPIM) dalam meningkatkan amalan kerohanian, menambahkan kecenderungan melazimi kehidupan seharian dan membentuk kecerdasan emosi dalam pengurusan dan kemahiran sosial. Manakala perbandingan keberkesanan pemboleh ubah kajian juga dilihat dalam kelompok rawatan (KR).

### 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan beberapa objektif kajian di atas, maka persoalan kajian adalah seperti yang berikut:



1. Apakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pemboleh ubah bersandar konsep kerohanian (KR), dan kecerdasan emosi (EQ) terhadap kelompok rawatan (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).
2. Apakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala konsep kerohanian (KR) – pelajar IPG iaitu akidah (AQ), ibadah (IB) dan akhlak (AKH) terhadap kelompok rawatan (KE).
3. Apakah terdapat perbezaan signifikan dalam ukuran min praujian dan posujian pembolehubah bersandar subskala kecerdasan emosi (EQ) – pelajar IPG iaitu mengenal emosi (ME), pengurusan diri (PI), kecekapan sosial (KS) dan kemahiran sosial (KMS) kelompok rawatan (KE) berbanding kelompok kawalan (KK).





## 1.6 Hipotesis Kajian

### Bagi Objektif 1

H<sub>0</sub> 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek kerohanian kelompok rawatan.

H<sub>0</sub> 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek kecerdasan Emosi kelompok rawatan.

### Bagi Objektif 2



H<sub>0</sub> 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos tingkah laku aqidah kelompok rawatan.

H<sub>0</sub> 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos tingkah laku ibadah kelompok rawatan

H<sub>0</sub> 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos tingkah laku akhlak kelompok rawatan.

### Bagi Objektif 3

H<sub>0</sub> 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos Mengenal Emosi kelompok rawatan.





- H<sub>0</sub> 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos Pengurusan Emosi kelompok rawatan.
- H<sub>0</sub> 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos Kecekapan sosial kelompok rawatan.
- H<sub>0</sub> 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos kemahiran sosial kelompok rawatan.

### 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual kajian ini disediakan bertujuan untuk membangunkan Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi berasaskan teori terapi Kognitif Tingkah Laku terhadap kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar Institut Pendidikan Guru.

Proses Intervensi Modul al-Muhasibi digubal berdasarkan empat konstruk utama dalam membangunkan kerohanian diri insan menurut al-Muhasibi iaitu akidah, ibadah dan akhlak keempat-empat elemen ini akan dilihat setelah pelajar melalui intervensi menggunakan Modul Pembangunan Insan al-muhasibi. Adapun EQ terdapat empat konstruk kecerdasan emosi yang akan dilihat kesannya setelah pelajar melalui intervensi atau rawatan iaitu (1) mengenal emosi, (2) Pengurusan diri (3) Kecekapan sosial (4) Kemahiran sosial, manakala konstruk tersebut berasaskan kepada kerangka konseptual gabungan Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT). Penerangan mengenai Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) akan diperincikan dalam penerangan kerangka teoritikal dan definii konsep dan operasional. Pendekatan yang digunakan melalui Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) ini dipercayai bersesuaian dan dapat meningkatkan





konsep sendiri pelajar. Ini kerana penumpuan Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) adalah memfokuskan bagaimana Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) ini mampu mengubahsuai proses pemikiran dan pengaruh tindakan kepada kefungsi ahli dalam kelompok.


Tunjang kepada Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) mengikut Dobson dan Block (1988) adalah perkongsian tiga elemen asas yang saling menyokong antara satu sama lain iaitu (a) Proses pemikiran akan mempengaruhi sikap atau perlakuan (b) proses pemikiran juga boleh dikawal dan diubah, dan (c) kecenderungan untuk mengubah sikap seseorang boleh dipengaruhi oleh perubahan sesuatu pemikiran. Seterusnya Dobson dan Block (1988) telah memberi penjelasan dan berpendapat bahawa pendekatan Terapi Tingkahlaku Kognitif (CBT) menerangkan proses pemikiran dan strategi suatu perlakuan yang bertujuan untuk membuat perubahan pemikiran dan sikap.

Oleh yang demikian itu bahagian ini akan membincangkan kerangka konseptual kajian dengan lebih jelas yang mana ia dapat digambarkan dalam satu model serta perkaitan antara pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Kerangka Konseptual ini mengandungi buah fikiran yang mana secara asas tentang 'apakah' yang hendak dibuat kajian dan kepada 'siapakah' sesuatu penyelidikan itu akan dilaksanakan (Shahabuddin, Rohizan & Mohd Zohir, 2007) disamping ia bertindak sebagai satu petunjuk atau sebagai pemandu kepada pengkaji untuk meletakkan fokus dalam kajian yang akan dilaksanakan. Kerangka konseptual kajian dapat dilihat pada rajah di bawah:



## Rajah 1.1

### Kerangka Konseptual



Secara ringkasnya kajian adalah untuk membina modul bimbingan keagamaan menurut pandangan Islam berdasarkan kepada pandangan tokoh tersohor dalam kerohanian dan tasawuf iaitu al-Muhasibi, di samping membuat kajian terhadap kesan modul al-Muhasibi ke atas kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar IPG. Berdasarkan tujuan dan matlamat kajian, kajian ini akan melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah melihat proses pembangunan modul, manakala fasa kedua ialah membuat pengukuran terhadap kesan modul yang telah dibina berpandukan kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti dalam kajian ini.

Bagi fasa pertama kajian ini ia akan menumpukan kepada pembangunan modul bimbingan menurut pandangan Islam di mana ia dikenali sebagai modul al-Muhasibi



untuk membina keyakinan terhadap amalan kerohanian yang mana akhirnya akan terbina kecerdasan emosi juga seterusnya perkembangan sendiri bakal siswa guru itu sendiri. Antara proses dalam pembangunan modul berkenaan akan dihuraikan dalam bab 3. Manakala bagi fasa seterusnya iaitu fasa kedua kajian dibuat bagi melihat adakah modul al-Muhasibi ini akan memberi kesan ke atas pemboleh ubah kerohanian dan Kecerdasan Emosi (EQ). Kajian ini juga akan mengukur kesan pemboleh ubah bebas iaitu kerohanian (yang boleh menjadi sebab berlakunya) perubahan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu Kecerdasan Emosi (EQ) responden kajian (wujudnya pemboleh ubah ini adalah kerana dipengaruhi oleh pemboleh ubah bebas)

Tujuan pembangunan modul ini kerana Modul bimbingan al-Muhasibi ini dikategorikan dalam modul latihan perkembangan kerohanian yang dibina untuk meningkatkan kerohanian seterusnya menghasilkan kecerdasan emosi (EQ) siswa guru. Ia adalah satu pendekatan komprehensif ke atas pembentukan personaliti seorang individu siswa guru agar kerohaniannya terbimbing dari segi akidah, ibadah dan akhlak seterusnya hasil daripada faktor kerohanian tadi akan memantapkan lagi kecerdasan emosi dengan cara mengenali emosi sendiri, selain bijak dalam pengurusan diri akhirnya akan memberi kesan kepada kecekapan sosial.

Fokus Modul al-muhasibi ini menjurus kepada aspek proses bagaimanakah cara membuat satu perubahan sikap dan pemikiran negatif dengan cara membuang komponen negatif menurut al-Muhasibi melalui beberapa tahap berdasarkan latar diri peserta kelompok bimbingan. Manakala proses seterusnya adalah proses membina kecerdasan emosi (EQ).





Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi dalam kajian ini merujuk kepada tiga perkara iaitu (i) Mengenal Diri (ii) Kemahiran mengurus diri, dan (iii) kecekapan sosial (iv) kemahiran sosial. Pemboleh ubah ini diukur dan dinilai berdasarkan skor laporan sendiri melalui sesi soal selidik yang dijalankan. Kecerdasan emosi pada pandangan Salovey dan Mayer (1997) adalah kemampuan untuk mengawal diri sendiri dan orang lain dari sudut perasaan dan emosi, selain mampu membezakan kedua-duanya dan hasil maklumat itu dapat membantu pemikiran dan tindakan, maka seterusnya akan terbina jati diri seorang muslim melalui latihan (mujahadah) terhadap amalan sifat-sifat positif dengan bersungguh-sungguh dalam melalui proses penyucian hati.



### **1.8.1 Kepentingan Kepada Institut Pendidikan Guru**

Dalam kajian ini, modul al-Muhasibi yang dibangunkan adalah berasaskan kepada pendekatan terapi tingkah laku kognitif (CBT) dan modul ini dibangunkan berasaskan kajian. Hasil kajian ini juga dapat menambah sumber bahan pembelajaran berasaskan kajian.

Pengkaji berminat membangun modul al-Muhasibi ini kerana di Institut pendidikan guru Malaysia ini masih belum ada modul yang menggunakan pendekatan al-Muhasibi ini, khasnya bagi Jabatan Hal Ehwal pelajar bagi Unit pembangunan





insaniah. Pada sesi temubual tahun 2016 Menurut Panel Pakar 1 selaku ketua jabatan Hal Ehwal pelajar IPGKPM, Panel Pakar 2 selaku pensyarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar IPGKTHO dan Panel Pakar 3 dari IPGK Teknik modul bagi unit pembangunan insaniah masih tiada lagi. Selain itu intervensi kaunseling yang dibina dalam kajian ini berdasarkan al-Muhasibi ini kerana penyelidik menyedari bahawa intervensi tersebut sangat sesuai digunakan kepada pelbagai jenis klien muslim institut pengajian tinggi di Malaysia.

### **1.8.2 Kepentingan Kepada Unit Bimbingan Dan Kaunseling Institut Pendidikan Guru di Malaysia**

Intervensi menggunakan Modul al-Muhasibi ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada para kaunselor di Institut Pendidikan Guru. Modul yang dibina berasaskan teori tingkahlaku kognitif ini menggunakan model al-Muhasibi dapat membantu untuk memberi pengetahuan serta menjadi garis panduan kepada kaunselor-kaunselor semasa menjalankan sesi kaunseling kelompok atau individu dalam sesebuah organisasi. Dengan adanya modul ini dapat membantu pelajar-pelajar muslim yang menghadapi tekanan emosi, kemurungan dan gangguan personaliti. Menurut Sapora (2000) dalam penulisan tesis Fauziah (2014), Intervensi rawatan dalam bentuk kaunseling kelompok mempunyai nilai aplikasi yang tinggi. Hal ini kerana, kaedah kaunseling kelompok lebih menjimatkan masa, kos dan tenaga para kaunselor kerana ramai klien dapat dibantu dalam masa yang terhad.





### 1.8.3 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kepincangan dan isu nilai moral mempunyai kaitan yang amat tinggi dengan pegangan agama rakyat Malaysia hari, pelbagai anasir negatif yang mencabar kewibawaan agama Islam sendiri yang di pelopori oleh umat Islam sendiri contohnya isu LGBT, Liberalisasi, kecelaruan gender dan sebagainya sehingga tidak segan silu sebagai muslim menyuarakan perkara yang bertentangan dengan batasan syariat. Justeru situasi begini memerlukan satu bentuk rawatan khas yang mana mempunyai perkaitan yang amat signifikan dengan pendekatan keagamaan dan spiritual. Besar harapan modul ini dapat dijadikan satu garis panduan dalam pelaksanaan rawatan oleh pengamal kaunseling dan juga pihak yang terlibat secara langsung dalam pembangunan insan samada di jabatan kerajaan, swasta, Institut Pengajian Tinggi atau jabatan-jabatan lain.



### 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah kajian kuasi eksperimental untuk meningkatkan konsep kerohanian pelajar melalui intervensi kelompok rawatan menggunakan Modul Pembangunan Insan al-Muhasibi justeru beberapa batasan dan had kajian terdapat dalam kajian ini. Secara umumnya skop kandungan konsep kerohanian dalam kajian ini terbatas kepada kerohanian menurut perspektif al-Muhasibi yang merujuk kepada tiga subskala iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Dalam kajian ini skop kandungan instrumen kerohanian menurut Imam al-Muhasibi tertumpu kepada empat konstruk roh, jiwa (al-nafs), hati dan akal. Keempat-empat konstruk tersebut hanya ditumpukan kepada elemen akidah, akhlak dan ibadah sahaja. Tujuan pemilihan konstruk tersebut kerana ia merupakan





aspek rohani dalam diri insan yang perlu dibangunkan terlebih dahulu untuk membangunkan insan tersebut melalui akidah, ibadah dan akhlak.

Teori gabungan dalam modul ini adalah teori kognitif tingkah laku yang di asaskan oleh Aeron t. Beck (1963).

Kecerdasan emosi merupakan skop kandungan kedua dalam kajian ini. Instrumen kecerdasan emosi bertujuan bagi melihat kesan setelah pelajar melalui intervensi menggunakan modul pembangunan insan al-Muhasibi ini. Kecerdasan emosi dalam kajian ini merujuk kepada empat perkara iaitu (i) mengenal emosi (ii) Pengurusan diri (iii) kecekapan sosial (v) kemahiran sosial yang mana keempat-empat subskala EQ ini akan diperolehi daripada instrumen kerohanian



Bagi pemilihan sampel kajian dalam kajian ini, populasi kajian hanya kepada sebuah Institut Pendidikan Guru sahaja. Di antara sampel yang dibuat pemilihan dalam kajian berfokus kepada kalangan pelajar yang pernah melakukan salah laku dalam pengkategorian sederhana dan ringan sahaja. Adapun pelajar yang melakukan kesalahan berat tidak menjadi pilihan sebagai sampel kajian dalam kajian kali ini. Pemilihan ini dibuat adalah disebabkan oleh kebanyakan laporan kes adalah dalam ruang lingkup kategori berkenaan dan kes-kes tersebut amat berkait rapat dengan buku peraturan pelajar Institut pendidikan Guru di Malaysia yang mana ianya akan dibaca dengan Akta 174. Di mana sekiranya pelajar seringkali melakukan kesalahan atau kes tersebut sentiasa berulang pelajar boleh digantung dan dibuang daripada Institut setelah melalui beberapa proses sekiranya sabit kesalahan.





Pemilihan responden dalam kajian ini adalah pelajar yang beragama Islam kerana kajian ini menggunakan modul berunsurkan penghayatan keagamaan dari kacamata tokoh kerohanian iaitu Imam al-Muhasibi dan tidak sama sekali menurut kacamata agama yang lain.

## **1.10 Definisi Konsep dan definisi Operasional**

### **1.10.1 Modul Pembangunan**

Satu pakej latihan pengajaran dan pembelajaran yang membicarakan sesuatu topik tertentu secara berterusan bagi meringankan pelajar belajar secara bersendirian atau berkumpul untuk mendapat kefahaman dan menguasai sesuatu topik sesi pembelajaran dengan berkesan disebut dan dinamakan sebagai modul (Abdul Hanid, 2011). Dalam ilmu pembangunan modul di sana mempunyai empat jenis modul iaitu modul latihan, modul pengajaran, modul motivasi dan modul akademik.

Proses pembangunan modul ini adalah berdasarkan model pembangunan modul sidek yang telah dikemukakan oleh Sidek Noah pada tahun 2002. Modul ini merupakan satu modul integrasi yang lebih komprehensif jika dibandingkan dengan dua pendekatan lain oleh Russell (1974) dan Sharifah Alwiyah (1981). Model pembangunan modul sidek (2002) melibatkan dua peringkat pembangunan modul. Berdasarkan model yang telah dipilih, kajian ini akan melihat aspek kesahan kandungan modul, kebolehpercayaan modul dan keberkesanan modul. ketiga-tiga aspek ini akan





memartabatkan modul yang dibina sebagai salah satu modul yang pastinya tidak akan diragui lagi tentang keberkesanannya apabila diaplikasikan kelak. Modul merupakan satu unit yang sempurna yang boleh dihubungkan dengan unit lain bagi mencapai satu tugas yang lebih besar atau matlamat jangka panjang (Warwick, 1998).

Menurut Md. Noor (2012) Modul juga boleh dikatakan sebagai unit-unit media dalam satu perancangan pengajaran bagi memudahkan kefahaman pelajar. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), Dalam konteks motivasi, modul juga ditrifkan sebagai satu bahan, alat dan sumber yang terkandung di dalamnya pelbagai bentuk aktiviti yang telah dirancang dengan begitu sistematik bagi memudahkan pelajar dalam mencapai dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan.



kerohanian melalui pendidikan kejiwaan yang berteraskan ketaqwaan kepada Allah. Aspek ini amat penting kerana ia mendasari hakikat kejadian dan jati diri insan dalam melahirkan jiwa insan yang tenang dan tenteram menuju keimanan dan ketaatan kepada Allah.

Kerohanian adalah unsur penting yang mesti ada dalam diri remaja muslim. Elemen kerohanian menyumbang kepada tahap kematangan seseorang pelajar muslim. Remaja merupakan aset penting negara kerana setiap individu remaja itu mempunyai kelebihan tersendiri, mereka juga merupakan generasi baru yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara. Perkataan kerohanian berasal dari perkataan roh, al-Muhasibi berpandangan bahawa roh merupakan pemberian suci daripada Allah





kepada manusia, roh ini mula ditiupkan olehnya semasa proses awal kejadian manusia (al-Najar, 2004).

Pengertian bimbingan secara umum, bimbing adalah semua jenis dan bentuk pertolongan yang dihulurkan kepada individu dalam menghindari atau mengatasi kesulitan. Bimbingan merupakan satu proses memberi bantuan kepada individu untuk memahami keadaan diri mereka dan alam sekelilingnya. Panduan sebegini merupakan satu usaha yang berterusan dan melibatkan banyak tahap dalam mencapai matlamat Shertzer dan Stone (1981). Unsur-unsur bimbingan ini amat berkait rapat dengan pendidikan, yang mana pendidikan berakar umbi daripada perkataan didik yang beerti pelihara, ajar, bimbing dan jaga. Takrifan pendidikan menurut Islam adalah satu proses berkesinambungan untuk mengubah, memberi latihan dan memberi pendidikan terhadap akal, jasmani dan rohani manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang mana sumber utamanya adalah wahyu bagi melahirkan insan yang tinggi ketakwaannya dan tinggi pengabdian dirinya dengan Allah dalam menggapai kejayaan di dunia dan akhirat (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2011).

Modul pembangunan kerohanian al-Muhasibi ini merupakan modul bimbingan menurut kacamata Islam yang dibina oleh penulis sebagai salah satu cara untuk memberi bantuan kepada individu bagi memahami siapa dirinya selanjutnya menjadikan kelebihan, begitu juga kebolehan dan keupayaan diri untuk membuat perubahan dan berkembang baik dengan satu sikap dan pemikiran dan kemahiran baru yang sempurna emosinya. Oleh itu, model pembangunan modul sidek yang telah dikemukakan oleh Sidek Noah pada tahun 2002 Modul ini terdiri daripada pelbagai bentuk aktiviti yang disusun secara sistematik dengan merujuk kepada teori dan





konstruk kerohanian menurut al-Muhasibi dan mengikut objektif yang telah ditetapkan dalam setiap sesi aktiviti. Modul ini merupakan satu proses pembelajaran terancang mengikut keutamaan konstruk al-Muhasibi lagi berurutan. Modul ini boleh dijadikan sebagai modul untuk memberi bimbingan kepada responden oleh pengamal kaunseling atau pihak-pihak yang terlibat dengan membimbing atau memberi motivasi disamping boleh digunakan sebagai pembelajaran sendiri pelajar.

### 1.10.2 Kelompok Bimbingan

Menurut Corey (2000), kaunseling kelompok dijalankan bertujuan memberi pencegahan dan pengubatan. Respondan atau peserta dalam kelompok akan mengalami perasaan empunya yang sebagai satu keperluan asas manusia. Menurut Johnson dan Johnson (1994), pula kelompok merupakan satu kelompok atau dua atau lebih individu yang berjumpa secara berhadapan untuk berkomunikasi dengan kesedaran bahawa setiap individu adalah bergantung kepada kelompok lain yang mana tujuannya sama iaitu untuk mencapai matlamat yang dipersetujui.

Gazda, Gintera dan Horne (2001), mendefinisikan kaunseling kelompok sebagai satu langkah-langkah interpersonal dinamik yang memberikan fokus terhadap gaya pemikiran dan corak tingkah laku sedar. Ia juga akan melibatkan kefungsiian terapi, realiti, katarsis, saling percaya-mempercayai antara satu sama lain, menyayangi antara satu sama lain dan saling menerima antara satu sama lain dan saling sokong menyokong juga antara satu dengan yang lain. Ketika menjalani sesi kelompok, ahli akan mengalami perasaan kepunyaan yang merupakan satu keperluan asas manusia.





Ahli-ahli kelompok pada dasarnya adalah individu normal dan tidak memerlukan perubahan personaliti yang besar. Ahli-ahli kelompok juga menjadikan medium interaksi dalam kelompok bagi menambahkan kefahaman dan penerimaan nilai untuk mencapai matlamat serta mempelajari atau tidak mempelajari beberapa sikap dan tingkah laku.

Ida Hartina (2006), pula menyatakan terdapat beberapa tujuan yang menjadi keutamaan dalam kaunseling kelompok adalah untuk memberi bantuan individu menerokai dan membuat perdebatan ketidakpuasan yang mereka alami dalam kehidupan mereka. Oleh itu, mereka diberi bantuan dalam mencari jalan dan melaksanakan strategi bagi membuat penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka. Menurut beliau lagi, pemimpin akan menyediakan suasana terapeutik dan bersesuaian agar ahli mampu menjelajahi isu-isu penting tanpa ada sedikitpun perasaan terancam sama ada dari segi keselamatan ataupun kerahsiaan. Antara ciri-ciri kaunseling kelompok adalah jalinan dalam membantu antara pemimpin dan ahli begitu juga ahli-ahli yang lain. Ahli-ahli juga menerima dan memberi pandangan, pilihan, nasihat dan saling menyokong antara satu lain di samping membuat beberapa perubahan yang sepatutnya dalam kehidupan sebenar mereka

Terdapat dua bentuk kelompok bimbingan iaitu kelompok bimbingan yang kecil dan kelompok bimbingan yang besar. Untuk bilangan kelompok bimbingan yang kecil bilangannya adalah sekitar 6-15 orang manakala bagi kelompok bimbingan besar pula ialah bilangannya melebihi 15-100 orang atau tidak ditetapkan had bilangan ahlinya. Walau bagaimanapun jumlah yang menyertainya perlu ditetapkan kadarnya atau hadnya bergantung kepada jumlah fasilitator yang mengendalikannya. Bagi pengkaji





yang membuat kajian ini kelompok bimbingan hanya menjuruskan kepada kelompok kecil iaitu seramai 6-15 orang dalam satu kelompok. Kelompok bimbingan bersaiz kecil membolehkan perbincangan lebih mendalam dan meningkatkan tumpuan fasilitator dan peserta. Fokus antara kelompok bimbingan adalah untuk meyebarkan maklumat pendidikan, kerjaya dan psikososial (Ida Hartina, 2006)

### 1.10.3 Kesalahan Disiplin

Disiplin membawa tarikan sejenis latihan bagi mengawasi tingkahlaku murid-murid melalui pelbagai bentuk hukuman dan kepelbagaian dalam bentuk ganjaran. Ianya terdiri daripada peraturan-peraturan dan undang-undang yang bertujuan untuk membina tingkahlaku yang baik dikalangan pelajar (Abdullah Sani, 2005). Di antara contoh kategori kesalahan disiplin adalah seperti berikut:

1. Kesalahan Sederhana
  - (a) Ponteng kelas
  - (b) Ponteng sebarang acara rasmi IPG
  - (c) Tidak menghantar Kerja kursus
  - (d) Bercakap bohong
  
2. Kesalahan ringan
  - (a) Lewat masuk kelas





Perbincangan dalam kajian ini masalah disiplin tertumpu pada yang dikategori dalam kesalahan sederhana dan kesalahan ringan sahaja. Apa yang dimaksudkan dengan kesalahan disiplin pelajar kategori ringan dan sederhana adalah kesalahan yang mana perbuatannya boleh membawa kepada menyebabkan pelajar dikenakan kesalahan tatatertib berdasarkan Akta 174 dan Buku Peraturan Pelajar IPG sekiranya perbuatan-perbuatan di atas dilakukan melebihi tiga kali berdasarkan surat amaran daripada IPG kampus masing-masing, ini kerana kesalahan tersebut terdapat dalam buku peraturan pelajar IPG dan juga etika perguruan bakal siswa guru seterusnya akan dijatuhkan hukuman berdasarkan AKTA 174. Justeru kesalahan ini hendaklah dibendung diperingkat awal dengan memberi kesedaran rohani berdasarkan teori CBT seterusnya melahirkan kecerdasan emosi yang mana akhirnya akan membentuk tingkahlaku siswa guru muslim.



#### 1.10.4 Terapi Tingkahlaku Kognitif

Terapi kognitif tingkah laku atau lebih dikenali dengan *cognitive-Behavioral Therapy* (TKT) adalah menggabungkan matlamat-matlamat terapi kognitif dan terapi kognitif tingkah laku individu. Menurut Abdul Malek (2005) dalam penulisan Mohammad Aziz Shah (2010), Terapi kognitif Tingkah laku atau lebih dikenali sebagai *Cognitif Behavioral Therapy* (TKT) adalah hasil gabungan matlamat-matlamat terapi kognitif dan terapi tingkah laku individu. Ia adalah pendekatan yang sering digunakan dalam kelompok. Menurut Friedberg dan McClure (2015), Terapi Tingkah laku Kognitif adalah sejenis terapi yang berorientasikan tindakan dan memberi tanggapan bahawa





bentuk pemikiran cacat akan menyebabkan berlakunya tindakan maladaptif atau cacat dan seterusnya membawa kepada emosi atau perasaan negatif.

Tingkah laku maladaptif adalah tingkah laku yang menjadi penghalang atau penganggu dalam kehidupan seharian. Rawatan dalam kajian ini menumpukan kepada perubahan pemikiran seseorang individu (corak kognitif) bagi membuat perubahan tingkahlaku dan keadaan emosi individu tersebut. Asas teori tingkahlaku kognitif yang dijadikan asas dalam kajian ini ialah teori kognitif tingkh laku yang diasaskan oleh Dobson dan Block (1988) di mana perkongsian tiga komponen yang saling menyokong iaitu a) Proses pemikiran mempengaruhi perlakuan, b) proses pemikiran boleh dikawal dan boleh diubahsuai dan c) Keinginan untuk mengubah perlakuan boleh dipengaruhi oleh perubahan pemikiran, seterusnya mengikut Dobson dan Block menjelaskan pendekatan teori tingkahlaku kognitif adalah menghuraikan proses pemikiran dan strategi perlakuan yang bermatlamat untuk membuat perubahan pemikiran dan perlakuan.

Terapi tingkah laku kognitif adalah sejenis pendekatan terapi pertama yang mana pusatnya ditujukan kepada proses berfikir dan kaitannya dengan keadaan emosi, tingkahlaku dan psikologi. CBT berpusat pada idea bahawa orang tertentu mampu mengubah tingkahlaku mereka dan CBT juga mampu mempu mengubah pemikiran kepada kesejahteraan emosi mereka. Penggunaan pendekatan CBT jelas terbukti keberkesanannya dalam membantu menangani beberapa permasalahan psikologi individu. *Cognitif behavioural therapy* (CBT) adalah satu bentuk psikoterapi yang menggabungkan antara terapi perilaku dan terapi kognitif yang berpaksikan kepada





perilaku manusia dipengaruhi oleh pemikiran, perasaan, proses fisiologi serta tindak tanduk dalam tingkah lakunya.

Secara umumnya dalam terapi kognitif tingkah laku ini tiada suatu pendekatan atau teori yang khusus sebaliknya terapi kognitif tingkah laku telah diklasifikasikan secara rawak atau umum terhadap beberapa pendekatan psikoterapi yang akan dibuat rujukan terlebih dahulu kepada pendekatan utama yang diklasifikasikan berada dalam terapi kognitif tingkah laku seperti Terapi tingkahlaku Rasional Emotif, Terapi Kognitif, Terapi Tingkahlaku Rasional, Terapi dalam menjalani kehidupan secara rasional, terapi berpusatkan skema dan Terapi Tingkahlaku Dialektik (Dobson & Block, 1988).



Mahoney dan Arnkoff (1978). Dengan merujuk kepada persepsi yang berbeza beliau membahagikan pendekatan Terapi Tingkahlaku Kognitif berdasarkan kepada tiga peringkat iaitu 1) Penstrukturan semula kognitif, ii) terapi kemahiran menyesuaikan diri (Coping Skill) dan iii) terapi penyelesaian masalah. Namun, mengikut Dobson dan Block (1988) kepelbagaian perspektif oleh pengasas-pengasas teori dalam Terapi Tingkahlaku Kognitif boleh digunakan secara sendirian, digabungkan atau mengambil teknik-teknik yang diperlukan dalam sesuatu intervensi yang dijalankan. Menurut Mohammad Aziz Shah (2010), dalam Mahoney dan Arnkoff (1978) menjelaskan pendekatan yang dikategorikan dibawah penstrukturan semula kognitif menganggap bahawa tekanan emosi adalah akibat daripada pemikiran maladaptif.





Oleh itu matlamat intervensi adalah untuk mengukuhkan corak pemikiran yang bersesuaian. Manakala, teknik-teknik di bawah kemahiran daya tindak mewakili koleksi pelbagai intervensi yang lebih pelbagai dan secara keseluruhannya memfokuskan kepada perkembangan kemahiran pengubahsuaian yang direkabentuk untuk membantu menangani pelbagai situasi tekanan. Manakala dalam terapi penyelesaian masalah lebih disifatkan sebagai satu gabungan intervensi penstrukturan semula dan prosedur latihan kemahiran menangani pelbagai permasalahan secara sistematik. Berdasarkan pendekatan yang sifatnya pelbagai ini, pendekatan Terapi Tingkahlaku Kognitif ini telah muncul sebagai pendekatan teori yang penting dalam gangguan emosi dan psikologi (Mahoney & Ankorf, 1978).

Bagi memahami TKTL secara asasnya Wilding dan Milne (2006) telah memberi model latihan asas yang menghuraikan perhubungan antara pemikiran terhadap sesuatu peristiwa, bagaimana perasaan dan tindakan seseorang. Seperti sekiranya seseorang mempunyai pemikiran yang negatif, ianya akan beremosi negatif dan dapat diperhatikan dalam tindakannya negatif. Sebaliknya jika seseorang berfikir positif ia akan mempunyai emosi yang positif yang tidak berputus asa dan secara fizikal perasaan energetik akan menguasai dirinya lalu secara automatik bertindak secara positif. Ini membawa makna bagaimana seseorang berperasaan terhadap sesuatu peristiwa adalah bergantung terhadap bagaimana ia berpandangan terhadap peristiwa yang sedang dilalui.

Bagi menghuraikan daya emosi dan perasaan menurut Wilding dan Mine (2006) menyatakan sebenarnya perasaan manusia hanya memberi kesan yang mana kadarnya sangat rendah terhadap manusia, namun perasaan terhasil apabila manusia berfikir





dengan cara yang mereka pilih dan emosi yang terhasil daripada pemikiran manusia akan menghasilkan perasaan gembira atau gangguan. Kombinasi pemikiran dan emosi seterusnya membentuk tindak balas dan reaksi serta akan bertukar menjadi hasil yang diputuskan mengenai diri.

Justeru kajian ini merujuk kepada bimbingan berspektif Islam menurut pandangan tokoh kerohanian iaitu Imam al-Muhasibi yang merupakan salah satu cara intervensi bertujuan memberi bantuan supaya individu memahami dirinya secara mendalam seterusnya menjadikan kemampuan dan keupayaan yang ada pada dirinya untuk membuat perubahan seterusnya mengembangkan potensi diri. komponennya pembinaan modul ini terdiri daripada berbagai bentuk dan jenis aktiviti yang telah dirancang dengan sistematik berpandukan teori kognitif tingkah laku dan bagi setiap aktiviti-aktiviti yang tersedia di dalam modul ini adalah selari dengan semua objektif-objektif telah ditetapkan. Ia merupakan satu program pembelajaran yang tersusun lagi terancang dan berkesinambungan serta mengikut turutan yang boleh diguna pakai sebagai bahan untuk memberi bimbingan oleh pengamal kaunseling di Malaysia atau mereka yang terlibat dengan profesion membantu di samping boleh digunakan sebagai satu alat pembelajaran sendiri yang terancang dan sesuai untuk semua tahap remaja dan pelajar di institusi pengajian tinggi juga sekolah menengah.

### 1.10.5 Kerohanian

Kerohanian merupakan satu unsur amat penting yang semestinya ada dalam diri remaja muslim dan perlu diambil perhatian tentang keperluan kehadiran unsur kerohanian





dalam diri pelajar muslim. Kerohanian adalah satu elemen yang menyumbang kepada tahap kematangan seseorang pelajar muslim. Remaja merupakan aset penting negara kerana setiap individu remaja itu mempunyai kelebihan tersendiri, mereka juga merupakan generasi baru yang mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara. Apatah lagi remaja yang terpilih dalam bidang akademik mereka adalah model kepada pelanggan mereka. Apatah lagi sebagai guru yang mendidik anak-anak kecil yang bakal menjadi pemimpin negara.

Kajian ini menggunakan Model pembangunan insan al-Muhasibi sebagai teori dan model kerohanian dalam pembinaan modul al- Muhasibi berasaskan teori Kognitif tingkah laku yang diasaskan oleh Beck (1963), terhadap kerohanian dan kecerdasan emosi pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia.



Menurut imam al-Muhasibi dalam kitabnya *al- Riayah li huquq Allah* (1990), cara pelaksanaan untuk muhasabah jiwa boleh dilakukan melalui dua keadaan iaitu pertama cuba melakukan *muhasabah* dalam perbuatan dan segala aspek yang akan datang dan kedua sentiasa melakukan *muhasabah* dalam perbuatan-perbuatan yang telah lalu. Muhasabah dalam perbuatan segala aspek tindakan yang akan datang ialah merenung dan memerhati tingkahlaku jiwa dengan cara *tathbut*. *Tathbut* adalah cara pengendalian jiwa insan agar tidak tergopoh gapah dalam melaksanakan apa sahaja tindakan dan perbuatan yang menyalahi syariat yang telah digariskan. Teknik begini sangat penting dan amat berkesan kerana ia akan membantu individu manusia mengetahui dan menyelidiki kebaikan dan keburukan sesuatu perkara yang ingin dilakukannya terlebih dahulu. Oleh itu muhasibi mencadangkan agar *tathbut* perlu dipadankan dengan ilmu pengetahuan, supaya sesuatu yang bermanfaat mampu dibuat





dengan kadar segera dan sesuatu yang boleh membawa kehancuran dan kemudhratan perlu dijauhi dan ditinggalkan secara total (al-Muhasibi, 1990:48).

Menurut Imam al-Muhasibi lagi roh merupakan pemberian suci dripada Allah s.w.t. kepada manusia. Anugerah roh ini mula ditiupkan olehnya semasa proses awal kejadian manusia (Smith, 1973:89). Menurut al-Muhasibi lagi kesucian hati insan boleh dikenalpasti berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan yang dilalui oleh jiwa seorang sufi dalam mengharungi perjalanan rohaninya tentang hakikat yang terbuka kepadanya dan tentang berbagai makrifat yang terjejas kepunya (al-Taftazani, 1996: 110).

Psikologi mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kerohanian yang tidak mantap ia juga dikaitkan juga dengan emosi negatif. Manakala kesempurnaan kerohanian pula seringkali dibuat perkaitan dengan bagaimana pelaksanaan aktiviti individu yang tekun dan perbuatan baik yang banyak dilakukan oleh individu tersebut dalam beragama. Sungguhpun demikian, dari segi pandangan secara umum, individu yang memiliki jiwa rohani yang selari dengan al-quran atau yang dikatakan baik dalam aspek rohaninya maka pandangan umum secara automatik menklasifikasannya keadaan kebaikan dalam perlakuan individu ini secara keseluruhannya adalah baik dan sempurna. Jelaslah di sini memberi tafsiran terhadap individu yang memiliki tahap kerohanian yang tinggi pada kaca mata masyarakat mereka merupakan individu yang sama sekali tidak pernah melakukan kesilapan langsung pada pandangan umum atau secara mata kasar dalam masyarakat mahupun ironinya setiap individu pasti melakukan kesilapan kerana manusia itu sifatnya tidak maksum sepertimana Rasulullah. Sedangkan kadangkala individu yang mempunyai kerohanian yang tinggi ini, dari segi





emosi dan kelakuan negatif diperuntukkan untuk dilakukan ketika individu berada jauh dari masyarakat ataupun tidak ditonjolkan kesilapannya dalam kalangan masyarakat.

Menurut Dr Muhammad Sayyid Ahmad Al-Musayyar roh dan jiwa adalah satu makna seperti yang dipegang oleh Kebanyakan Ahli Falsafah dan berdasarkan kepada kedudukan (penggunaan) Bahasa al-quran juga ada mengungkapkan perkataan roh sama maksud dengan jiwa. Firman Allah dalam surah al-sajdah ayat 9.

Maksudnya:

Kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya roh ciptaannya. Dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), supaya kamu bersyukur tetapi amatlah sedikit kamu bersyukur.

Sejak beberapa dekad yang lalu perbincangan tentang kajian dan rumusan mengenai kerohanian tidak pernah terhenti sehingga hari ini. Fenomena perbincangan ilmiah tentang kerohanian ini berterusan adalah disebabkan kepentingan kerohanian itu sendiri yang dianggap sebagai satu konstruk dalam dalam setiap diri manusia.

Menurut Miskawih kerohanian manusia bergantung kepada kehendak tuhan, tetapi segala kebaikan terserah kepada manusia dan bergantung kepada kemahuannya, beliau juga berpendapat bahawa tujuan yang utama bagi setiap agama adalah individu itu memiliki akhlak yang mulia. Pastinya ia tidak akan terjelma melainkan apabila kepercayaan individu tersebut bahawa agama adalah sesuatu yang penting untuk jiwa atau sebagai makanan jiwa (Ibn Miskawayh, 1961).

Miskawih juga turut menghuraikan tentang keadaan manusia yang terdiri dari dua kewujudan iaitu jasad dan jiwa. Kewujudan jasad dan jiwa ini seringkali





bertentangan antara satu dengan yang lain atau saling bertentangan sesama sendiri. Ketika mana jasad mahukan kesenangan, bagi si jiwa pula sebaliknya menjauhkan diri daripada segala bentuk rupa keinginan tersebut. Ini disebabkan jiwa sentiasa cenderung untuk mengenali tuhan. Bagi sang badan pula ketika mana ia tidak mampu mengenali dirinya kecuali dengan mendapat pertolongan daripada pancaindera, maka sang jiwalah yang akan mengambil segala pengetahuan tersebut dari kewujudan dirinya iaitu melalui akal. Manakala akal juga mampu untuk menentukan keputusan-keputusan yang keliru yang telah dibuat oleh pancaindera, ini kerana pancaindera cenderung kepada secara tabienya cenderung kepada kekeliruan dan kesenangan (Ibn Miskawayh, 1961). Jasad itu sendiri menurut Miskawayh dijadikan alat oleh jiwa untuk merealisasikan kesempurnaannya memperoleh kebajikan dan kesempurnaan yang merupakan tanda kebahagiaan tertinggi yang mampu digapai melalui jiwanya itu (Miskawayh, 1970).



Menurut Tarmidzi dalam buku Nawadhir al-Usul, fungsi roh dapat dijelaskan melalui kaitannya dengan jiwa. Roh dan jiwa kedua-duanya merupakan sumber kebaikan dan kejahatan di dalam diri insan, roh bersifat sejuk dan suci manakala jiwa bersifat panas. Roh perlu menjauhkan dirinya dari kekotoran jiwa kerana ia akan menjadi kotor jika bercampur dengan jiwa yang tabiatnya suka kepada kemahuan syahwat.

Oleh yang demikian itu, berdasarkan kepada takrifan kerohanian di atas jelas terdapat banyak persamaan yang namun diterjemahkan dalam bentuk perbezaan ayat sahaja, di mana kerohanian ini berasal daripada ruh yang sifatnya baik dan harmoni cenderung kepada kebaikan, manakala segala tingkah laku baik itu atau apa jua bentuk kebaikan terserah kepada manusia dan bergantung kepada kemahuannya, dan bagi





setiap agama itu cenderung dan berkehendak setiap individu itu memiliki akhlak yang mulia. Pastinya ia tidak akan terjelma melainkan apabila kepercayaan individu tersebut bahawa agama adalah sesuatu yang penting untuk jiwa atau sebagai makanan jiwa. Jelas di sini agama adalah sesuatu yang tidak boleh dipisahkan dalam mendapat tingkah laku baik sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

### 1.10.6 Kecerdasan Emosi (EQ)

Misi Islam adalah bagi mengubah pemikiran dan sikap dalam kalangan masyarakatnya untuk menjadi individu yang cerdas emosi. Justeru dalam membicarakan tentang kecerdasan emosi, Islam menyeru dan amat menggalakkan umatnya untuk menjadi seorang yang memiliki kecerdasan emosinya berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dengan menjadikan asasnya kepada unsur ketauhidan dan unsur keesaan terhadap Allah sebagai penciptanya. Sekiranya kecundang menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai tunjang dalam setiap urusan kehidupan dan setiap pemikiran seharian ini menjadi asbab kegagalan dalam pembentukan akhlak muslim yang komited dalam menunaikan tuntutan agama (Zakaria, Ahmad Munawar & Noranizah, 2012).

Elemen jiwa dan emosi ini telah diberi merupakan antara elemen yang mendapat tempat yang lebih awal dalam pendidikan psikologi menurut Islam (Hassan Langgulung & Harun Din, 1999). Menurut ahli psikologi Islam emosi ini boleh di definisi sama seperti kemampuan fitrah yang lain, yang akan melalui beberapa proses dalam pertumbuhan dan perkembangan (Hasan Langgulung, Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, 1996). Kemampuan dalam mengenali, memupuk dan membina kematangan





emosi memberikan kesan yang positif dalam menyeimbangkan kesejahteraan diri manusia. Ini selari apabila Allah berfirman dalam surah ad-Dzariyat 51:20&21.

Terdapat hadis yang menyebut berkaitan kepentingan mengurus jiwa emosi dalam Antara autoriti hadis adalah sebagai alat dalam mengukuhkan apa yang dijelaskan dalam al-Quran di mana hadis Rasulullah yang berbunyi “...*Diantara kalian yang mengenali tuhannya adalah yang paling mengenali dirinya* (Hadis Riwayat Bukhari Muslim). Sehubungan itu kecerdikan manusia dalam mengendalikan hala tuju kehidupan, terletak pada sejauhmana kebolehan individu itu meneliti, dan menghayati proses penyucian terhadap jiwa dan emosinya (Utsman Najati, 1985). Pandangan ini selaras dengan konsep (pembersihan jiwa) dan *tasfiyyah al-Qalb* (Penjernihan jiwa) dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinan sebagai khalifah Allah di muka bumi.



Bagi kajian di Malaysia, walaupun terdapat kajian bagi melihat hubungan kerohanian dan kaitannya dengan sikap pelajar sekolah menengah juga pelajar Institusi pengajian Tinggi. Namun Kajian yang memfokuskan kepada modul kerohanian untuk peningkatan kerohanian dan kecerdasan emosi (EQ) secara khusus adalah amat sedikit. Antara kajian yang menjadikan kerohanian sebagai pemboleh ubah utama ialah Kajian Salasiah Hanim et al. (2012) yang mendapati amalan kerohanian ini menjadi elemen penting bagi dunia akademik pelajar universiti.

Menurut Abdul Arif Sidi, Mohd Isa dan Ab Halim (2021) dalam ASEAN comparative Education Research Journal on Islam and Civilization sebagai seorang GPI, dalam mencari redha Allah s.w.t penghayatan terhadap maqasid menjadi tunjang utama serta jalan utama ke arah memartabatkan profesionalisme seseorang individu.





Berdasarkan kajian ini jelaslah menunjukkan bahawa kepentingan menguasai dan mengurus emosi (EQ) yang baik untuk menjalin hubungan yang harmoni dan sejahtera melalui kerjasama untuk mendapatkan kerja afektif dalam kalangan rakan sekerja dan masyarakat setempat, ianya adalah selari dengan aspirasi KPM di dalam (PPPM 2013-2025) di dalam gelombang ke-3 yang memberi penekanan terhadap kepentingan memiliki hubungan yang baik, harmoni dari segi mental dan fizikal serta pentingnya memiliki hubungan professional bersama rakan sekerja

Dalam memberi definisi konsep kepintaran emosi boleh dibahagikan kepada dua iaitu (a) kepintaran emosi yang dikatakan sebagai trait atau ciri peribadi, dan (b) kepintaran emosi yang dikatakan sebagai satu keupayaan, ini menurut Petrides, Frederickson dan Furnham (2004). Contohnya ialah: kebolehsuaian atau keolehan menyesuaikan diri, mengawal emosi, mengurus emosi, memotivasikan sendiri, kemahiran membina hubungan interpersonal dan ciri assertif yang dipunyai oleh seseorang itu dilihat sebagai trait atau ciri peribadi.

Menurut Micheal (2006), Kecerdasan emosi banyak telah kita pelajari atau perolehi dalam kehidupan kita dan kecerdasan emosi jugalah yg membina perkembangan potensi diri kita. Kecerdasan emosi ini juga dipanggil EQ (Emotional Quotient) ibaratnya sebagai prasyarat untuk mendapat IQ yang berkesan. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi adalah prasyarat untuk keberkesanan IQ. Maksudnya, IQ manusia tidak mampu untuk berfungsi dengan baik sekiranya bahagian otak kita didapati rosak kesan daripada berlakunya kecacatan pada emosi.





Kajian ini menggunakan teori kecerdasan emosi Mayer dan Salovey (1993), kerana ia mempunyai perkaitan yang sangat signifikan antara teori yang digunakan iaitu teori keronahian dan teori terapi tingkah laku kognitif. Menurut Mayer dan Salovey (1993), yang telah memberikan penekanan terhadap fungsi kognitif dan aktiviti memproses perasaan yang melibatkan: (a) bagaimana seseorang membuat persepsi terhadap sesuatu perkara dan bagaimana seseorang individu itu mengekspresikan perasaannya (b) menggabungkan perasaan itu ke dalam pemikirannya, (c) memahami dan membuat analisis terhadap perasaan tersebut, dan (d) membiasakan perasaan yang dimilikinya

Dalam kajian ini kecerdasan emosi atau Emotional Question (EQ) ini adalah merujuk kepada empat perkara iaitu (i) bagaimana pelajar sebagai responden ini dapat mengenal emosi mereka setelah mereka menjalani sesi rawatan berdasarkan modul (ii) dapat mengemaskini cara pengurusan diri dalam kehidupan seharian mereka sebagai insan guru (iii) berkebolehan menjalani aktiviti-aktiviti sosial seharian melalui kecekapan dalam sosial (v) akhirnya memiliki kemahiran dalam bersosial. Ini adalah hasil yang mereka perolehi setelah menerima rawatan berdasarkan modul al-Muhasibi.

## 1.11 Aturan Bab

Komponen kajian ini mempunyai lima bab yang menjelaskan tentang pengenalan atau pendahuluan dan diikuti oleh latar belakang kajian seterusnya tinjauan literatur, pembangunan modul, metod kajian, dapatan kajian serta rumusan dan perbincangan.





Manakala setiap bab disusun dengan terperinci serta mempunyai hubungan dan kesinambungan antara satu sama lain.

Bab satu adalah bab pendahuluan yang memberi penjelasan mengenai latar belakang dan permasalahan kajian. Bab ini juga bakal membuat penghuraian berkaitan tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi pemboleh ubah disamping kerangka konseptual kajian.

Bab dua merupakan kajian literatur. Di dalam bab ini akan dibincangkan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan pemboleh ubah kajian sama ada di dalam atau diluar negara. Konseptual dan model teoritikal terhadap pemboleh ubah yang terlibat di dalam kajian ini turut dibahasakan. Dalam bab ini juga turut dibincangkan tentang model dan prosedur pembangunan modul.

Bab tiga pula merupakan metod kajian yang digunapakai dalam kajian. Ianya melibatkan dua fasa iaitu pembangunan modul dan kesannya terhadap kerohanian dan kecerdasan emosi. Dalam bab ini membincangkan berkenaan reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian dan kajian rintis yang dijalankan. Ianya bertujuan mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan modul dan alat kajian disamping prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

Bab empat merupakan dapatan kajian. Bab ini membuat huraian mengenai dapatan kajian berkaitan pembangunan modul di samping memperoleh dapatan kajian rawatan. Di samping itu, dapatan kajian temubual dan analisis secara kuantitatif juga





akan turut dilaporkan. Manakala Analisis data temu bual untuk melihat maklum balas responden setelah menggunakan modul al-Muhasib dibincangkan secara ringkas.

Bab lima adalah rumusan dan perbincangan. Bab ini akan memfokuskan perbincangan dan rumusan hasil kajian fasa satu dan fasa dua. Ia melibatkan proses pembangunan modul al-Muhasibi dan kesan Modul al-Muhasibi ke atas pemboleh ubah yang dipilih. Implikasi dapatan kajian dan cadangan lanjut untuk penyelidikan akan datang turut dibincangkan.

